

OBOR BELIA

BUKU 5

MENGHARUNG ARUS KEBIASAAN

(BELIA KRISTIAN & PENGARUH SOSIAL)



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penulis & Penterjemah: Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari Universiti Islam Antarabangsa.

Penulis & Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Januari 2010

Cetakan Kedua : Januari 2012

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.
Kulit Buku : Chiang Juat Chin
Artis Ilustrasi : Vincent Wan

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Mengharung Arus Kebiasaan
	Lembar Kerja
6	Sesi 1: Semua Orang Pun Melakukannya
14	Sesi 2: Gengster!!
18	Sesi 3: Merokok Baru Macho!
24	Sesi 4: Dadah Perosak Bangsa
32	Sesi 5: Adat atau Tabiat?
38	Sesi 6: Sabung Ayam, Kampung Tergadai
44	Sesi 7: War-Net
50	Sesi 8: Tips Kemenangan Atas Pengaruh
	Panduan Pembimbing
57	Sesi 1
60	Sesi 2
64	Sesi 3
67	Sesi 4
72	Sesi 5
76	Sesi 6
83	Sesi 7
87	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekadar mengetahuinya sahaja.






Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.

	Objektif-Objektif Sesi Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.
	Pencetus Minat Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.
	Aktiviti Tambahan Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

* **Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

* **Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

* **Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

* **Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 5: Mengharung Arus Kebiasaan

Mukadimah

Buku ini memberi tumpuan kepada masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pemuda-pemudi dalam masyarakat kita. Pengaruh sahabat, gengsterisme, merokok, minuman keras, berjudi, dadah dan permainan komputer yang berlebihan dibincangkan dalam buku ini. Ia diharapkan akan berguna untuk bimbingan dan mendidik para belia. Kita perlu menyiapkan belia kita untuk menghadapi isu-isu seperti ini agar mereka tidak terjerat dalam perangkap ketagihan.


Buku ini dimulakan dengan mengupas pengaruh daripada teman sebaya kerana ini menjadi pengaruh yang kuat dalam kehidupan para belia. Banyak belia (termasuklah belia Kristian) mungkin sedang mengharung pelbagai arus kebiasaan yang tidak menguntungkan, dan mungkin sedang putus asa kerana masih dibelenggu olehnya. Sebagai umat Tuhan, dapatkah kita bertahan dalam melawan arus kebiasaan yang lumrah dilakukan oleh orang di sekitar kita?

Fahaman dan landasan Alkitab diberikan untuk setiap topik. Tuhan menyayangi kita semua walaupun Dia membenci dosa-dosa ketagihan dan kebiasaan buruk kita. Buku ini cuba membantu bagaimana kita boleh mengatasi masalah serta bagaimana memberi respon yang tepat ketika diperhadapkan dengan isu-isu kebiasaan ini. Pelbagai kes atau kisah benar dipaparkan untuk pengkajian para belia agar mereka dapat memahami situasi yang sebenarnya.

Sesi terakhir mengkaji persahabatan yang baik menurut Alkitab. Ini bertujuan supaya para belia tahu mencari teman yang sejati dan menjauhkan diri daripada kelompok-kelompok yang mempunyai kebiasaan dan pengaruh yang negatif.

“Siapa bergaul dengan orang bijak menjadi bijak, tetapi siapa berteman dengan orang bebal menjadi malang” (Amsal 13:20)

Semua Orang Pun Melakukannya





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah, apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna.”
(Roma 12:2)



Kata-kata Mutiara

Kebanyakan tabiat yang buruk di kalangan para belia berpunca daripada pengaruh teman-teman mereka. Mereka takut dipandang sebagai golongan lemah kalau mereka tidak mahu mengikut cara kawan-kawan mereka. Tekanan sosial ini telah mempengaruhi kehidupan mereka.



Aktiviti Bersama

Apa Yang Akan Anda Lakukan?

Jawab lembar kerja uji diri di bawah dan hitungkan markah yang anda capai. Pembimbing anda akan memberitahukan nilai untuk setiap jawapan yang diberi.

1. Beberapa orang teman anda ingin mengadakan jamuan makan malam untuk merayakan hari jadi salah seorang teman. Mereka sengaja tidak mahu mengundang seorang kawan kerana menurut mereka, kawan itu sangat ‘membosankan’. Anda tahu kawan itu tentu akan merasa sedih jika dia mengetahuinya. Apa yang akan anda lakukan?
 - A. Membungkam sahaja dan tidak menjelaskan kepada mereka kawan itu mungkin akan merasa terkucil kalau mereka berbuat demikian.
 - B. Menjelaskan kepada teman-teman anda bahawa kita mesti memperlakukan semua orang dengan baik dan kita dapat menolong kawan itu untuk berubah.
 - C. Ikut menyemarakkan isu kerana anda juga merasa kawan yang tidak bergaya itu sungguh membosankan!
2. Apakah yang akan anda lakukan sekiranya anda ingin membeli sesuatu untuk diri sendiri?
 - A. Melihat apa yang dibelikan kawan-kawan anda sebelum membuat keputusan.
 - B. Tanyakan pendapat mereka dan membeli mengikut pendapat mereka.
 - C. Beli sesuatu yang anda suka, tanpa menghiraukan apa yang akan dikatakan orang lain.

3. Semua orang sedang menghisap rokok dan mereka mengatakan merokok itu tanda kedewasaan. Anda mengetahui bahawa merokok akan merosakkan kesihatan dan merosakkan kesaksian anda bagi Tuhan. Anda akan:
 - A. Merokok kerana takut ditertawa sebagai budak yang belum dewasa.
 - B. Senyum dan berpaling daripada mereka kerana anda berpendirian kukuh.
 - C. Ikut merokok dengan menghiburkan diri sendiri bahawa anda hanya akan merokok kalau anda bersama dengan mereka.

4. Mengapakah anda pergi ke Cineplex?
 - A. Kebanyakan belia suka menonton di Cineplex.
 - B. Anda mendengar filem itu sangat bagus.
 - C. Kerana anda sendiri ingin pergi menonton filem

5. Anda suka satu VCD yang memuat lagu-lagu sentimental dan ingin membelinya. Semua kawan anda berkata lagunya tidak baik dan mereka tidak suka penyanyinya. Apakah anda:
 - A. Mendengar lagu-lagunya dahulu di kedai sebelum membuat keputusan.
 - B. Langsung tidak membeli mahupun menonton VCD itu.
 - C. Beli VCD itu kerana yang penting ialah anda menyukainya.

6. Aktiviti-aktiviti apakah yang anda lakukan pada waktu lapang?
 - A. Aktiviti yang disukai oleh kebanyakan teman-teman anda.
 - B. Aktiviti yang anda suka lakukan
 - C. Walaupun anda suka aktiviti atau hobi itu, anda tidak akan melakukannya kalau kawan-kawan anda tidak menyukainya.

7. Beberapa kawan anda telah mengecat 4 jenis warna yang cerah pada rambut mereka. Semua kawan anda berkata mereka pemuda yang paling cool di bandar ini tetapi hati anda tidak merasa damai untuk mengecat 4 warna pada rambut.
 - A. Ikut gaya semasa dan mengecat empat warna yang cerah agar anda juga dianggap paling bergaya di bandar anda.
 - B. Mengambil keputusan ini belum waktu untuk mengecat rambut kerana anda belum beruban lagi.
 - C. Mengecat dua warna yang sama supaya kawan-kawan anda tidak tertawakan anda.

8. Pada waktu perayaan Gawai beberapa pemuda di kampung anda banyak minum tuak dan mabuk sepanjang hari. Mereka mengajak anda dengan alasan, "Setahun hanya sekali..."
 - A. Tidak minum dan memujuk mereka agar jangan minum.
 - B. Memabukkan diri dan tidak bangun seharian kerana anda beralasan ini adalah satu budaya dan hanya setahun sekali sahaja.
 - C. Berdoa sejenak dan kemudian memberitahu kawan-kawan anda bahawa ketagihan minuman keras itu sungguh memalukan Tuhan.

9. Anda mahu memuliakan Tuhan Yesus dalam semua aspek kehidupan anda setelah anda diyakinkan hal ini dalam “*Excellent Servant Camp.*” Sewaktu anda pulang ke kampung halaman, bapa dan sanak-saudara anda menyambut kepulangan anda dengan tuak dan tapai. Anda akan...
- A. Turut menyambut kedatangan ini dengan bergelas-gelas tuak.
 - B. Menceritakan bahawa anda tidak mahu minum tuak lagi kerana ingin memuliakan Tuhan Yesus tetapi akan minum kopi/teh sahaja.
 - C. Minum sedikit sahaja kerana itu adalah satu adat.
10. Bapa anda baru membeli sebuah motosikal untuk memudahkan perjalanan anda ke tempat kerja. Perjalanan anda biasanya mengambil masa hampir 45 minit dan kadangkala melelahkan. Kawan-kawan anda yang mempunyai motosikal memujuk anda agar ikut mereka berlumba di jalanraya. Anda akan:
- A. Ikut sahaja kerana mahu membuat kawan-kawan anda gembira.
 - B. Berkata berlumba begini bahaya dan merbahayakan nyawa sendiri dan orang lain dan terus balik rumah.
 - C. Memberi alasan anda mesti pulang dahulu dan tidak pergi berlumba.

Jumlah Markah Anda:

Keterangan tentang pendirian anda terhadap pengaruh:



Renungan Firman Tuhan

1. Mengapakah umat Israel inginkan seorang raja dan apakah yang menjadi pengaruh yang terbesar? (1 Samuel 8:4-9, 19-20)
2. Mengapakah kita harus berdiri teguh pada prinsip Alkitab dan cuba memuliakan Tuhan sewaktu ditertawakan oleh kawan-kawan kita kerana kita tidak mahu mengikut kebiasaan mereka? (Roma 8:31-39)
3. Apa yang anda perlu lakukan sekiranya kawan-kawan anda mengajak anda melakukan hal-hal tertentu dan anda tidak tahu apa yang harus anda lakukan? (Yakobus 1:5)

4. Kalau kawan-kawan anda menyuruh anda melakukan sesuatu hal dan anda tidak merasa damai mengenainya, apakah yang harus anda lakukan dan kenapa? (Amsal 2:3-6)
5. Apakah yang akan dilakukan oleh Tuhan kalau anda berseru untuk meminta pertolongan khususnya pada waktu kawan-kawan anda berusaha mempengaruhi anda untuk turut terlibat dalam tabiat yang tidak baik? (Mazmur 138:3)
6. Perlukah anda merasa sedih kerana tidak menurut kawan-kawan anda yang berlainan pendirian daripada anda? (Amsal 28:1)
7. Bagaimanakah kita dapat memelihara kekudusan minda dan tubuh kita? (Rom 12:1-2)
8. Patutkah anda merasa terkejut kalau teman-teman anda membenci anda? Kenapa? (1 Yohanes 3:13)



Renungan Peribadi

Sejauh manakah anda dipengaruhi oleh teman-teman sebaya? Jelaskan dalam ruangan yang disediakan untuk pengertian diri.

1. Adakah anda cuba mengikut gaya hidup teman-teman anda kerana tidak mahu dicamkan sebagai aneh walaupun gaya hidup itu kurang baik? Dalam hal apakah itu akan terjadi?
2. Adakah kawan-kawan anda lebih banyak mempengaruhi anda dalam hal yang positif atau negatif?
3. Adakah aktiviti-aktiviti yang anda lakukan bukan kerana anda sukainya tetapi semata-mata kerana itu aktiviti-aktiviti yang disukai teman anda?
4. Adakah anda bertindak berlainan daripada apa yang anda fahami dalam firman Tuhan kerana semua kawan anda melakukan demikian?

5. Adakah anda turut mengejek atau menganiaya seseorang kerana semua kawan anda melakukan demikian?

Apakah Respon Anda?

Anda dan beberapa kawan sedang mencari angin pada waktu malam. Tiba-tiba seorang kawan mengeluarkan sekotak rokok dan memujuk anda untuk cuba. Semua kawan mengambil satu rokok dan anda disuruh agar jangan berkelakuan tidak dewasa. "Takut mati ke?" tanya seorang kawan. "Ambillah! Awak bukan budak sekolah rendah," kata seorang lagi. "Kamu bukan anak jantanlah!" Apakah yang anda lakukan? Anda semakin tertekan kerana teman-teman anda sangat mendesak...

Santapan Minda

Tuhan ingin kita berkata kepada diri sendiri, "Saya akan menguasai tingkah laku saya, fikiran saya, tubuh saya, dan kehidupan saya. Saya boleh mengikut teman-teman saya dalam hal-hal yang tidak penting seperti memakai pakaian yang berfesyen. Tetapi mengenai hal moral, mentaati Tuhan, pembelajaran di sekolah, memelihara kebersihan tubuh saya dan kesihatan saya, saya tidak akan membiarkan orang lain memberitahu saya apa yang harus saya lakukan (teman-teman yang tidak memuliakan Tuhan). Kalau mereka mahu ketawa akan saya, ketawa sajalah kerana gurauan mereka tidak akan lucu terlalu lama. Saya tidak akan membiarkan sesuatu menghalangi saya daripada menjalani kehidupan Kristian. Dalam lain perkataan, saya tidak akan menurut dan mengikuti sahaja."


~ Dr. James Dobson



Doa

Berdoalah agar anda mencari jaminan dan keberanian di dalam Tuhan dan bukan daripada teman-teman anda. Berdoa juga agar anda menjadi pengaruh yang positif kepada teman-teman anda.

Gengster!!





Ayat Mas Alkitab

“Berbahagialah orang yang tidak berjalan menurut nasihat orang fasik.”
(Mazmur 1:1)



Kata-kata Mutiara

Sokrates pernah mencurahkan kekecewaannya terhadap masalah gengster di Yunani 400 tahun sebelum kedatangan Kristus. Sejak itu dunia sering dilandai oleh pelbagai kumpulan gengster yang mengganggu keharmonian hidup masyarakat. Jangan gabungkan diri anda dengan gengster kerana cara mereka berlainan daripada cara Tuhan.



Aktiviti Bersama

Gengster biasanya terdiri daripada sekumpulan remaja, belia atau orang dewasa yang menciptakan identiti sendiri dan melakukan aktiviti tertentu. Penggunaan semasa untuk perkataan ‘Geng’ mempunyai konotasi negatif dan tidak dituju kepada geng dalam pengertian sahabat, tetapi kumpulan yang menjalankan aktiviti tidak sihat dan memudaratkan masyarakat. Mereka akan melindungi anggota geng sendiri, bergaduh atau bergasak dengan geng lain atau melakukan maksiat seperti penyeludupan barangan haram atau menjalani operasi perjudi dan membuli. Mereka menyerang orang yang lebih lemah daripada diri mereka.

A. Kuiz -Pelbagai Geng

Padankan dengan jawapan sesuai daripada jawapan-jawapan yang tersedia di bawah. Kelompok yang mendapat semua jawapannya betul adalah pemenangnya!

1. Anggota kumpulan ini adalah berdasarkan pada identiti suku atau kebudayaan yang sama. _____
2. Geng yang beroperasi di sekolah di mana orang-orang yang memberi wang akan dijanjikan ‘perlindungan’ oleh anggota-anggota geng. _____
3. Di Jepun, geng ini wujud untuk mendapat wang daripada perjudian. _____
4. Kumpulan ini diwujudkan untuk mencari keseronokan dengan cara perlombaan motorsikal. _____
5. Dua kumpulan kongsi gelap ini wujud pada tahun 1900 di Malaya _____

- untuk merebut lombong bijih timah. _____
6. Anggota geng ini pada asalnya terdiri daripada penjahat-penjahat yang berasal dari Sicilly di Itali, tetapi sekarang banyak terdapat di Amerika Syarikat. _____
 7. Geng ini biasanya menggunakan taktik melanggar bahagian belakang kereta sasaran mereka. Bila si pemandu turun untuk memeriksa, dia akan disamun. _____
 8. Geng di Jepun ini akan menjalani upacara _____ di mana seseorang anggota baru akan diangkat dengan minum dari satu cawan dengan ketuanya: seperti mengangkat anak angkat.
 9. Anggotanya hampir semua lelaki, tetapi mempunyai beberapa wanita tua "nee-san". _____
 10. Geng yang bergiat dalam menyebarkan pil-pil khayal.

Ghee Hin-Hai San, Bakuto, Geng Sekolah, Mafia,
 Pembuli Jalanraya, Mat Rempit, Geng Etnik, Yakuza,
 Geng Sebar Sabu, Oyabun-kobun

B. Mengapakah Orang Menyertai Geng

Bincangkan punca dan sebab mengapa orang menyertai sebuah geng dalam kelompok anda dan kemudian bantangkan. Setiap kelompok akan membuat empat soalan sahaja.

1. Ronni yang memandu kereta barunya ke kolej telah menarik perhatian sekumpulan pemuda yang meminta agar dia memberi wang perlindungan untuk kereta barunya jika dia mahu keretanya tetap baru. Mereka akan memberi Ronni sebulan untuk membayar wang perlindungan dan kalau wang ini belum diterima lagi, mereka mengugut akan menghancurkan keretanya. Ronni kemudiannya mengambil keputusan untuk menjadi anggota kumpulan itu.
- _____
- _____

2. Setelah Bujang meninggalkan kampung halamannya untuk belajar di Kuala Lumpur, dia sering menanyakan dirinya, "Siapakah Diri Saya?" Kadangkala, dia merasa sepi kerana berjauhan daripada adik beradiknya. Satu geng, Naga Biru, mendekati Bujang dan menawarkan persahabatan, persaudaraan intim dan perlindungan

jika dia menyertai kumpulan itu. Tidak lama selepas dia mencucuk jarinya lalu memeterai perikatan ini dengan darahnya, Bujang mulai bercakap seperti mereka, bergaya seperti mereka dan berlagak seperti mereka. Kini dia mempunyai banyak saudara...

3. Sewaktu meningkat dewasa, Ah Seng suka memberontak terhadap ibu bapanya dan ingin hidup bebas. Setelah menyertai geng Botak-Botak, dia dapat memberontak bersama dengan anggota-anggota geng tersebut dan merasa sungguh dihargai oleh mereka atas pemberontakannya!
-
-

4. Siva selalu dihajar dan dibuli oleh pemuda-pemudi di kampungnya kerana dia dianggap oleh mereka sebagai lembut dan lemah. Suatu hari, seorang pemuda berbadan tegap memberitahu Siva bahawa dia akan diperkasakan kalau dia menyertai kumpulan Hero Blues. Dia juga berjanji bahawa tidak ada seorang pun yang akan mengganggu dan mengancamnya lagi. Kini Siva merasa dia sungguh berkuasa.
-
-

5. Edward merasa bosan dengan kehidupannya dan mengingini cabaran yang lebih teruja. Sewaktu dia diperkenalkan kepada Johan yang bermotorbike besar, dia ingin mengetahui aktiviti Mat Rempit. Edward mengambil keputusan menyertai kumpulan ini untuk mencari nikmat yang lebih teruja selain daripada berborak-borak di gerai mamak.
-
-

6. Jimmy kini merasa seakan-akan dia mempunyai banyak sanak saudara dan dia merasa teruja dengan tattoo, tag gratifi, kode rahsia, gaya baju yang sama, warna rambut yang sama, bahasa isyarat yang sama, muzik dan pemakaian lambang yang sama. Dia juga merasa bangga kerana sebagai anggota geng Rugged Youth, dia dapat melindungi orang yang lemah. Dia menganggap wang yang dikutip oleh kumpulannya halal kerana mereka memberi

perlindungan.

7. Ah Lian sering diugut oleh Geng Mawar Beracun di sekolahnya. Jika dia tidak menyertai mereka, dia akan menyesal kerana mereka akan melakukan sesuatu yang kejam terhadap adik perempuannya.
-
-

8. Bapa Rina memiliki gerai di Gaya Street. Anggota satu kongsi gelap datang dan meminta dia menyertai mereka kerana kalau ada pelanggan yang jahat, mereka dapat menolongnya menghajar pelanggannya.
-
-



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapakah Alkitab menasihati kita untuk tidak menurut jalan-jalan orang yang fasik? (Mazmur 1:1)
2. Bagaimanakah Alkitab menggambarkan mereka yang jahat. Selidiki ayat-ayat berikut.
 - a. Mazmur 10:2
 - b. Mazmur 10:4
 - c. Mazmur 10:7
 - d. Mazmur 73:6
 - e. Mazmur 52:3
3. Bolehkah kita menyertai geng kerana kita diancam geng lain? Perintah apakah yang diberikan oleh Tuhan dan mengapa kita tidak boleh mengikut jalan mereka? (Amsal 3:31-35)
4. Kenapakah alasan untuk menjadi istimewa dan diterima orang lain bukan alasan yang baik untuk melibatkan diri dalam kegiatan geng? (Yesaya 43:4a)

5. Apakah yang akan terjadi kepada orang yang menurut jalan-jalan orang yang kejam? (Mazmur 1:4-6)
6. Kalau anda memerlukan kawan-kawan yang setia, kepada siapakah boleh anda cari? (Mazmur 107:6-7; Ibrani 10:24-25)



Renungan Peribadi

1. Setelah meneliti firman Tuhan, apakah yang patut anda lakukan jika anda adalah salah seorang anggota gengster?
2. Apakah yang patut anda lakukan jika kawan anda seorang anggota gengster?
3. Apakah yang anda lakukan jika anda digugat oleh gengster?

Santapan Minda

“Anggota geng bukanlah kawan yang sejati. Kawan-kawan tidak akan memaksa kita untuk melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang. Kawan-kawan akan memberi kita pilihan-pilihan. Kawan-kawan ingin yang terbaik untuk kita dalam kehidupan kita. Kawan akan menjadi kawan selama dimahukan oleh mereka. Mereka bebas mencari kawan lain. Di dalam kegiatan gengster, anggota-anggota sebenarnya berada di bawah kuku besi pemimpin-pemimpinnya. Itu bukan persahabatan!”


~ Charles E. Schaefer & Theresa Foy Geronimo



Doa

Berdoa supaya Tuhan memberi anda kebijaksanaan dalam menghadapi arus persahabatan. Minta keberanian dan pertolongan daripada Tuhan jika anda menjadi mangsa gengster.

Merokok Barulah Macho!





Ayat Mas Alkitab

“Orang yang tak berpengalaman percaya kepada setiap perkataan, tetapi orang yang bijak memperhatikan langkahnya.” (Amsal 14:15)



Kata-kata Mutiara

“Jangan merokok. Kalau anda seorang perokok, hentilah secepat mungkin. Saat anda berhenti merokok, bahaya mengidap barah paru-paru mulai turun dan bahayanya akan hilang kalau anda telah berhenti merokok selama 18 tahun.” (Dr. Kong Hwai Loong, penasihat onkologis & doktor di Pusat Onkologi, Hong Kong)



Aktiviti Bersama

Pelbagai Cara Orang Tersandung

Berikut adalah pengakuan daripada perokok-perokok. Bincangkan bagaimanaakah belia-belia ini tersandung.

1. Ketika saya berada di tingkatan dua, beberapa teman menyuruh saya cuba menghisap sekali sahaja rokok itu. Setelah mencuba beberapa kali, akhirnya saya sendiri akan menghisap tanpa disuruh.

2. Setiap orang dalam kumpulan kami menyuruh saya menghisap walaupun saya amat membenci bau rokok. Tetapi akhirnya, saya menghisap juga kerana saya ingin ikut bergaya seperti mereka.

3. Setelah saya selesai peperiksaan SPM, saya dan teman-teman saya keluar pada suatu malam untuk merayakannya. Seorang teman yang duduk di tepi saya berkata, “Awak mesti cuba...” Pada waktu itu saya sedang melalui satu tekanan kerana saya khuatir peperiksaan Bahasa Malaysia saya kurang baik, saya pun menghisap sebatang kerana mereka kata itu boleh menenangkan fikiran. Syukur kepada Tuhan, setelah beberapa bulan sepupu saya yang bekerja sebagai doktor membawa saya ke hospital untuk melihat gambar organ dalaman seorang pesakit yang mati akibat barah. Dia seorang

perokok. Ketika saya melihat gambar paru-parunya yang hitam, saya membuang tabiat merokok dengan segera!

4. Saya mulai merokok ketika saya bosan. Saya tertarik dengan gaya hidup berborak-borak di gerai mamak sambil merokok. Percayalah, walaupun saya merokok untuk tujuan penghiburan, saya tetap ada keraguan bahawa satu hari saya akan jatuh sakit kerananya. Selain itu, hati nurani saya juga berkata, “Saya bukan hanya mencemarkan paru-paru sendiri tetapi juga orang di sekeliling saya yang tidak merokok kerana asapnya.”
-
-

5. Bapa Kim Seng merokok, abangnya merokok, sepupunya merokok dan sudah menjadi kebudayaan di rumah apabila mereka berusia 18 tahun mereka menjadi perokok. Ketika Kim Seng berusia 18, dia mengambil rokok Dunhill bapanya dan mulai merokok kerana itu sudah lumrah di keluarganya.
-
-

6. Juliana mulai merokok kerana dia mahu diterima oleh kawan-kawannya yang suka ke disko dan mereka semuanya merokok.
-
-

Asap Orang Kedua

Asap dari rokok-rokok orang yang merokok boleh memudaratkan kesihatan orang-orang yang bukan perokok. Menghidu asap rokok tersebut boleh menyebabkan masalah pernafasan kanak-kanak dan menyebabkan barah serta penyakit jantung untuk orang dewasa.

Untuk kanak-kanak, kemudatan itu lebih teruk lagi. Paru-paru mereka masih berkembang dan mereka bernafas lebih cepat daripada orang dewasa. Akibatnya, mereka lebih terdedah kepada penyakit radang paru-paru, sakit tekak, selsema, jangkitan telinga dan brokitis (bengkak pada tiup udara di kerongkong).

~ sambung

~ sambungan

Pada November 1999, Institut Barah Kebangsaan Amerika Syarikat mengeluarkan hasil kajian yang dibuat ke atas asap orang kedua. Hasilnya menghubungkan barah paru-paru, penyakit jantung, barah hidup dan sejumlah penyakit lain oleh orang bukan perokok yang hidup dengan asap dari rokok perokok. Sebab itu sekarang sudah banyak kawasan umum yang diistiharkan sebagai zon bebas rokok supaya risiko asap orang kedua (*second hand smoke*) ini boleh dikurangkan.

Sebenarnya rokok itu sangat menagihkan, dan boleh menyebabkan penyakit dan maut.

Tugas kumpulan anda:

Buat satu iklan baru mengenai merokok. Iklan ini akan memberitahu mereka bagaimana merokok boleh merosakkan kesihatan si perokok dan orang di sekelilingnya. Nasihatkan pemuda-pemudi untuk menjauhi tabiat buruk ini dan berikan mereka pilihan lain untuk menggantikan tabiat buruk ini.

Iklan ini boleh berbentuk iklan televisyen, poster, rap, jingle (puisi yang berirama) yang memudahkan belia mengingatnya. Jangan lupa cogan katanya.



Renungan Firman Tuhan

1. Bagaimanakah kita harus memperlakukan tubuh kita dan kenapa? (1 Korintus 6:18-20)
2. Prinsip apakah yang diajarkan oleh ayat-ayat ini? (Amsal 14:8,15)
3. Jika teman-teman kita membujuk kita untuk merokok, teladan siapakah yang kita harus ingat dan kenapa? (Ibrani 4:15)
4. Patutkah kita merasa sedih kalau dihina oleh kawan-kawan kita kalau kita ingin hidup berbeza dan tidak mahu merokok? (Yesaya 53:3-4)

5. Berdasarkan 2 prinsip yang sudah kita pelajari (1 Korintus 6:18-20 & Amsal 14:8,15), apa yang anda rasa wajar untuk anda lakukan sekiranya anda seorang perokok?
6. Jika anda masih ragu-ragu sama ada merokok itu boleh dilakukan oleh anak Tuhan, baca 1 Korintus 10:31. Apakah prinsip yang boleh anda terapkan? (1 Korintus 10:31)
7. Apakah permintaan Tuhan daripada pemuda-pemudi Kristian? (1 Timotius 4:12)



Renungan Peribadi

Manfaat Menghentikan Tabiat Merokok

Kanser paru-paru bukan sesuatu yang asing lagi bagi kita semua. Kita semua sudah mengetahui kemudaratan yang disebabkan oleh tabiat merokok. Jadual di bawah ini menggambarkan kepada kita kebaikan yang didapati jika seseorang perokok berhenti merokok:

Apabila seorang perokok menghentikan tabiat merokok, tubuhnya akan mengalami satu seri perubahan:-

20 minit setelah berhenti:

- tekanan darah turun
- kadar detikan nadi turun
- suhu badan khususnya tangan dan kaki meningkat

Setelah 8 jam

- karbon monosikda turun ke tahap biasa
- oksigen meningkat ke tahap biasa

Setelah 24 jam:

- kemungkinan mendapat serangan jantung turun

Setelah 48 jam:

- penghujung saraf bertumbuh semula
- kemampuan membau dan merasa bertambah baik

Setelah dua minggu hingga 3 bulan:

- edaran bertambah baik
- berjalan bertambah mudah
- paru-paru berfungsi lebih baik

~ sambung

~ sambungan

Setelah 1 hingga ke 9 bulan:

- batuk, masalah sinus (sesakan hidung), sesakan nafas, keletihan turun

Setelah 1 tahun

- risiko penyakit jantung turun ke separuh berbanding dengan yang masih merokok

Setelah 5 tahun

- setelah 5 hingga 15 tahun kemungkinan strok turun seperti orang yang tidak pernah merokok



Setelah 10 tahun:

- penyakit barah paru-paru turun ke satu setengah berbanding dengan yang merokok
- risiko barah mulut, kerongkong, pundit, ginjal dan pankreas turun
- risiko ulser turun

Setelah 15 tahun

- risiko penyakit koronari (jantung) sama dengan mereka yang tidak merokok
- risiko maut sama dengan mereka yang tidak merokok

 * **Santapan Minda** *
 * "Sekarang aku telah pergi, dan aku katakan *
 * kepadamu: Jangan merokok, apa sahaja yang *
 * kamu lakukan, jangan merokok." *
 * *
 * ~Yul Brynner, pelakon terkenal dan *
 * pesakit barah akibat rokok. *
 * (dalam satu iklan anti-merokok) *


Doa

Berdoa agar anda kuat dalam menghadapi arus kebiasaan merokok. Jika anda seorang perokok, berdoalah supaya Tuhan membantu anda untuk meninggalkan tabiat tersebut. Jika anda bukan seorang perokok, berdoalah agar anda terus dilindungi dan tidak terdedah kepada bahaya asap orang kedua.

Dadah Perosak Bangsa





Ayat Mas Alkitab

“Atau tidak tahukah kamu, bahawa tubuhmu adalah bait Roh Kudus, yang diam di dalam kamu, Roh Kudus yang kamu peroleh dari Allah, dan bahawa kamu bukan milik kamu sendiri? Sebab kamu bukan milik kamu sendiri? Sebab kamu telah dibeli dan harganya telah lunas dibayar; Kerana itu muliakanlah Allah dengan tubuhmu!”
 (1 Korintus 6:19-20)



Kata-kata Mutiara

Sama seperti semua produk alam dan buatan manusia, ubat-ubatan boleh disalah-gunakan. Untuk melawan bahaya dan risiko itu, penguasaan diri adalah senjata dan penawar yang paling mujarab. *(Thomas S. Szasz, Los Angeles Times, Nov 23, 2001)*



Aktiviti Bersama

Gambar Dalam Minda

Lukiskan gambar-gambar atau imej-imej yang timbul dalam fikiran anda sewaktu perkataan “Dadah” disebutkan. Tunjukkan dan bincangkan hasil lukisan anda dengan kawan-kawan lain.

I. Ujian Tentang Dadah

Anda selalu melihat dan mendengar tentang bahaya dadah dan kita sering diberi amaran untuk menjauhkan diri daripada dadah. Pernahkah anda berhenti sejenak untuk berfikir kenapa? Berapa luaskah pengetahuan anda tentang dadah? Warnakan Biru jika Benar, dan Merah jika Salah.

1. Semua dadah akan memberi perasaan yang indah kepada si pengguna. Sebenarnya, bukan semua jenis dadah akan membinasa tubuh.	<input type="radio"/>
2. Hanya dadah seperti heroin dan morfina berbahaya dan anda boleh ketagihan. Dadah seperti marijuana atau ganja dan kodeina yang terdapat dalam ubat batuk tidaklah berbahaya.	<input type="radio"/>
3. Menghidu-sedut bahan seperti gam, penanggal penggilap kuku, cecair pembersih, ialah sejenis pengambilan dadah.	<input type="radio"/>
4. Menghisap dadah sesekali sahaja tidak menjadi masalah kerana jika minda anda kuat, anda boleh melawan keinginan untuk cuba lagi dan tidak akan ketagihan.	<input type="radio"/>

5. Belia mengambil dadah kerana mereka mahu melarikan diri mereka daripada masalah tetapi mereka tidak sedar pada akhirnya mereka berjalan di lorong pembinaan.	<input type="radio"/>
6. Mereka ingin mengalami sesuatu yang baru.	<input type="radio"/>
7. Mereka yang berasal daripada keluarga yang murung atau sepi mempunyai kecenderungan untuk mengambil dadah demi melupakan kesengsaraan mereka.	<input type="radio"/>
8. Menghisap dadah sesekali sahaja tidak menjadi masalah kerana jika minda anda kuat, anda boleh melawan keinginan untuk cuba lagi dan tidak akan ketagihan.	<input type="radio"/>
9. Ketagihan dadah akan menyebabkan kemerosotan moral, jasmani dan kesihatan.	<input type="radio"/>
10. Ketagihan dadah akan menghilangkan minat belajar atau bekerja.	<input type="radio"/>
11. Hubungan seorang penagih dengan keluarga dan kawan-kawan tidak semestinya terjejas.	<input type="radio"/>
12. Ada jenis dadah yang akan menyebabkan si pengguna tiba-tiba mempunyai keinginan untuk cita-cita, impian hidup dan arah kehidupan mereka.	<input type="radio"/>
13. Mereka yang ketagihan dadah tidak dapat berfikir dengan baik.	<input type="radio"/>
14. Mereka akan mengalami masalah kewangan dan sering kesuntukan wang kerana dadah sungguh mahal.	<input type="radio"/>
15. Penagihan dadah boleh merosakkan janin seorang ibu.	<input type="radio"/>
16. Penyalahgunaan dadah terutamanya yang menggunakan jarum akan menghadapi risiko tinggi dijangkiti HIV.	<input type="radio"/>
17. Bintang pop yang juga menggunakan dadah dapat mempengaruhi peminatnya untuk meniru cara hidup mereka.	<input type="radio"/>
18. Kokeina sebenarnya tidak boleh menyebabkan kemandulan pada lelaki dan juga serangan jantung seperti yang diketahui umum. Ia hanya akan membuat orang ketagihan, menjadi kurus dan selalu lesu.	<input type="radio"/>
19. Dadah sedut (seperti gam dan petrol) boleh merosakkan sel-sel otak, kulit dan juga paru-paru.	<input type="radio"/>
20. Dadah yang berlebihan boleh mengakibatkan maut.	<input type="radio"/>
21. Pengambilan dadah boleh menyebabkan seseorang mual, muntah, memperlambatkan tindakbalas dan mengurangkan selera makan.	<input type="radio"/>

II. Jenis Dadah

Dadah boleh dibahagikan 4 jenis. Cuba padankan.

Penekan (Depressant) Nikotin (Narcotics)	Perangsang (Stimulants) Halusinogen (<i>Hallucinogens</i>)
---	---

1. Jenis dadah ini akan terdapat dalam coke, kopi, rokok (nikotin), kokaina, pil pep (memberi tenaga)	
2. Jenis dadah ini diberikan untuk menghilangkan kesakitan dan biasa digunakan dalam perubatan. Namun seseorang boleh ketagihannya seperti morfina, kodeina	
3. Jenis dadah ini akan menyebabkan anda 'high' dan akan mengaburkan fikiran anda. Jenis dadah ini tidak ada digunakan dalam perubatan. Ia termasuk marijuana, ganja, LSD dan pil ghairah.	
4. Jenis dadah ini memperlambatkan sistem saraf dan fikiran anda. Ia termasuk alkohol, sedutan (dadah yang disedut atau dihidu seperti gam, cat, penanggal penggilap kuku), pil khayal dan pil tidur.	



Renungan Firman Tuhan

1. Kalau anda mengenal seorang teman terlibat dalam dadah, apakah yang boleh anda lakukan? Bagaimana? (Yudas 22-23)
2. Patutkah gereja memandang rendah, mengucilkan dan menganggap penagih dadah sebagai sampah masyarakat? (Gal. 6:1)
3. Apakah yang dikatakan oleh Paulus kepada mereka yang tergantung kepada ubat-ubatan untuk ransangan? (1 Korintus 6:12)
4. Iblis hanya mahu membunuh dan meragut nyawa-nyawa anak muda. Apakah yang patut kita lakukan kalau ada teman-teman yang merayu kita untuk mencuba pil khayal untuk berkhayal bersama-

sama dengan mereka? Bagaimana? (1 Petrus 5:8)

5. Apakah yang dikatakan oleh Rasul Paulus mengenai tubuh kita dan mengapa kita tidak boleh mengambil dadah? (1 Korintus 6:15-20)
6. Kalau seseorang berada dalam kesulitan atau kesesakan, adakah mengambil dadah dapat melepaskannya? Bagaimanakah dia boleh melepaskan dirinya? (Mazmur 34:18)
7. Adakah dadah dapat memberi nikmat yang sejati? Apakah yang dijanjikan oleh Tuhan? (Mazmur 34:11)
8. Jika anda ditawarkan untuk mencuba mengambil pil ghairah agar boleh menari sepanjang malam. Apakah yang harus anda buat? (Amsal 1:15)
9. Jika ada pengedar dadah yang menawarkan wang yang begitu istimewa dan meminta anda menolongnya mengedar dadah, adakah anda akan tergoda untuk mengambil kesempatan ini? (Roma 13:1-5)
10. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan mengenai orang yang berbuat maksiat seperti mereka yang mempengaruhi orang lain menagih dadah dan mengedar dadah? (Mazmur 34:17)



Renungan Peribadi

Petikan surat ini diambil dari Kisah Benar. Surat yang menyayat hati ini dituliskan oleh seorang penagih dadah sebelum dia meninggal dunia di penjara Johor Baru.

Ibuku yang dikasihi

Anakmu ingin berlutut di depan ibu dan memohon ampun atas segala dosaku. Ibu, setelah ayah meninggal dunia, aku tidak pernah mendatangkan kebahagiaan kepada ibu. Aku mencuba dadah dan sejak itu aku ketagihan dadah dan tidak lulus SPM. Setiap hari aku hanya merayau mencari dadah dan berlari ketika dikejar polis. Aku teringat ibu pernah berkata hati ibu hancur.

Ibu telah mencuba pelbagai cara untuk memulihkan aku namun aku tidak pernah bertaubat atau memohon pertolongan dengan serius. Aku sudah berkali-kali melarikan diri dari pusat pemulihan kerana tidak tahan dengan kesengsaraan tahap pengunduran dadah. Seharusnya aku menderita sementara dan balik ke pangkal jalan lagi demi Allah dan ibu.

Setelah usahaku untuk membunuh diri di penjara gagal, ibu tetap melawat aku dengan sabar di hospital dan membawa bubur untuk aku setiap hari. Ibu lagi sekali berkata ibu hancur hati kerana aku telah menelan bal lampu di penjara dan menetes airmata. Ibu banyak menasihati aku agar balik ke pusat pemulihan dan memulakan kehidupan baru. Ibu, aku mahu berlutut dan memohon ampun kerana tidak menghiraukan nasihat ibu.

Ibu, kini aku berada dalam penjara lagi dan aku sakit tenat. Aku tahu aku tidak akan hidup lama. Ibu, seluruh tubuhku sangat dingin.

Ibu, aku banyak berdusta dan mengecewakan hati ibu. Ibu, cepat datang ke penjara kerana anakmu ingin memohon maaf dan tangisan penyesalan. Ibu, datanglah menjenguk saya buat kali terakhir kerana anakmu rindu melihat wajahmu.

Yang Menyesal
Rudy Lai

(Rudy tidak sempat bertemu dengan ibunya kerana dia meninggal dunia setelah menulis surat ini)

1. Apakah menjadi punca utama kegagalan Rudy?
2. Adakah anda mengenali sesiapa yang menyalah-gunakan ubat-ubatan? Apakah jenis ubat-ubatan tersebut?
3. Adakah anda cuba mengelakkan diri dari mereka? Kenapa?

4. Adakah anda sendiri terlibat dalam pengambilan ubat-ubatan? Apa jenis ubat tersebut? Adakah ia membuat anda ketagihan?

Santapan Minda

Salah satu penyebab penyalahgunaan dadah ialah kewujudan suatu ruangan kerohanian, keagamaan dan keberadaan yang kosong...Dinyata secara tepat, manusia mempunyai satu keperluan batin untuk memupuk perhubungan yang hidup dan nyata bersama dengan Tuhan. Apabila ini dinafikan, tidak diperhatikan, dan tidak dipenuhi, pasti akan terjadi satu pencarian untuk sesuatu untuk memenuhi ruangan kosong ini. Hal ini dinyatakan dengan sangat jelas dalam Alkitab: "Dan janganlah kamu mabuk oleh anggur (kerana banyak kejahatan di perjalanan itu), kerana anggur menimbulkan hawa nafsu, tetapi hendaklah kamu penuh dengan Roh." Di sini satu ayat yang memberi amaran, memberi puncanya, dan juga satu jawapan untuk masalah penagihan. Bukan hanya untuk alkohol tetapi ketagihan jenis yang lain juga.


~ Gray Collins



Doa

Mintalah kepada Tuhan untuk memberi kebijaksanaan dan ketegasan untuk menolak pengaruh-pengaruh yang tidak baik atau tawaran mencuba sebarang jenis ubat-ubatan. Doakan juga untuk mereka yang anda kenali yang ketagihan dadah agar mereka dapat diselamatkan dan dibantu.

Adat atau Tabiat?





Ayat Mas Alkitab

“Dan janganlah kamu mabuk oleh anggur, karena anggur menimbulkan hawa nafsu, tetapi hendaklah kamu penuh dengan Roh, dan berkatalah seorang kepada yang lain dalam mazmur, kidung puji-pujian dan nyanyian rohani. Beryanyi dan bersoraklah bagi Tuhan dengan segenap hati.”
(Efesus 5:18-19)



Kata-kata Mutiara

“Banyak Kristian akan berkata meminum alkohol dengan sederhana itu baik, tetapi adalah lebih baik kalau jangan menyentuhnya sama sekali, khususnya kalau kita mempertimbangkan kemudharatan yang berkaitan dengan minuman keras.” (Gary R. Collins)



Aktiviti Bersama

Budaya Minum – Adat atau Tabiat?

Anda akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Dalam kumpulan masing-masing, baca tiga petikan tentang budaya minum di bawah ini dan bincangkan hasil penelitian anda.

(1) Budaya Yam Seng

Ah Seng adalah seorang pengikut Kristus Yesus walaupun keluarganya belum lagi menjadi Kristian. Dia sering tertanya-tanya kepada diri sendiri, “Apakah saya harus Yam Seng dengan sanak saudara saya? Bukankah ini Tahun Baru Cina? Setahun hanya sekali?” Setiap tahun pada hari kedua Tahun Baru Cina, Ah Seng dan keluarganya akan berkumpul dengan sanak saudara untuk makan malam. Semua orang akan Yam Seng untuk menyambut perayaan itu.

Sepupu Ah Seng menuang segelas Carlsberg untuk Ah Seng serta berkata, “Yam Seng...”. Ah Seng pulang terhuyung-hayang namun dia tetap memandu kereta dan bapanya yang juga sedikit mabuk duduk di sampingnya untuk memastikan tidak terjadi sebarang kemalangan ketika mereka di jalanraya.

(2) Budaya Baru (Diambil dari **Mabuk Sebelum Fajar Menyingsing**)

Menurut suratkhbar “Sarawak Gazette” suku Lun Bawang kemabukan seratus hari dalam setiap tahun. Mereka hampir terpupus. Pada masa yang lampau, jumlah mereka banyak tetapi sejak pengayauan (budaya memotong kepala musuh) diharamkan oleh undang-undang di bawah pemerintahan Rajah Putih, bekas pahlawan-pahlawan ini mempunyai banyak masa lapang. Mereka tidak perlu mengawal sawah sewaktu kaum wanita bekerja di ladang. Sifat keramahan mereka menyebabkan mereka suka menghibur tetamu dengan kemewahan. Sewaktu menyambut upacara perkahwinan, kematian ataupun perayaan yang lain, mereka akan minum dari tajau bir beras. Suasana perayaan mereka akan berlarutan beberapa hari dan kanak-kanak kecil turut kemabukan.

Tidak hairanlah kalau sawah mereka terbiar dan rumah mereka tidak terurus. Menurut Encik Banks, curator Muzium Sarawak, orang Murut yang menetap di hulu sungai lebih ketagihan, rumah mereka tidak bersih dan bertimbunan dedebu dan jaringan lelabah. Lantai mereka berhamburan muntahan akibat kemabukan, serta anjing-anjing dan babi-babi yang berkeliaran di bawah rumah mereka menimbulkan bau kurang sedap sewaktu angin meniup. Pegawai yang mengunjungi mereka terkejut kerana tubuh mereka dijangkiti oleh pelbagai penyakit. Mereka tidak mempunyai daya tahan terhadap wabak yang meradang. Sejak permulaan abad, suku bangsa ini semakin berkurangan jumlahnya.

Fajar baru menyingsing ke atas mereka pada tahun 1933 dan 1938 apabila Tuhan melangkah membangun gereja di tengah-tengah mereka. Perubahan ini mencetuskan keinginan jiran mereka, orang Kelabit serta suku-suku lain untuk mengetahui rahsia kehidupan baru mereka. Ajaibnya, sejak itu gereja tumbuh seperti cendawan.

Dalam beberapa tahun ini, subuh baru menyingsing dalam gereja serta mengingatkan ramai orang akan peristiwa dalam bab kedua Kisah Para Rasul. “Bagaimana mungkin orang ini kemabukan pada jam 9 pagi?” Petrus menjelaskan demikian apabila para pengikut mereka dicari kemabukan pada Hari Pentakosta. “Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua orang, anak perempuan, dan anak lelaki anda akan bernubuat. Pemuda–pemudi akan melihat penglihatan, dan orang tua akan bermimpi. Aku akan mencurahkan Roh-Ku pada hari itu dan mereka akan bernubuat.” Tuhan telah mulakan kehidupan baru bagi Suku Lun Bawang dan Kelabit, dan budaya baru mereka akibat kemabukan Roh Allah dan bukan tuak.

(3) Adat Rumah Panjang

Sudah menjadi adat bila ada tamu datang bertandang ke rumah-rumah panjang Iban, Murut, Rungus, bahkan suku pribumi yang lain di Sabah dan Sarawak, mereka akan dijamu dengan minuman tuak, tapai, lihing atau kinomol. "Mengikot adat kami, tamu harus minum." Itulah yang biasa kita dengar.

Benarkah ini satu adat atau satu tabiat kebiasaan yang dijadikan alasan untuk minum? Benarkah kita akan membuat bukan sahaja tuan rumah tersinggung, tetapi tuhan atau dewa yang mereka percayai? Budaya yang dikatakan sudah menjadi adat ini sebenarnya juga telah membuat banyak pemimpin gereja yang datang memimpin kebaktian di hari Minggu dalam keadaan setengah waras.

Budaya '*moginum*' sehingga mabuk sangat identik dengan suku kaum Kadazandusun. Adakah minum dan mabuk menjadi suatu keharusan bagi kaum Kadazandusun? Adakah kerana udaranya yang sejuk sehingga minum adalah salah satu cara untuk menghangatkan badan? Adakah mabuk merupakan salah satu cara untuk membuktikan kejantanan kaum laki-laki Kadazandusun?

Bila di Russia ataupun Indonesia, mabuk dilakukan untuk melupakan beban penderitaan hidup di tengah kekacauan ekonomi dan politik, bagaimana dengan suku pribumi di Malaysia? Adakah usaha dari kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Atau kerajaan sengaja membiarkan kebiasaan ini agar masyarakatnya tergantung terhadap alkohol dan menjadi pemabuk dengan tujuan melakukan kontrol untuk melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu seperti yang terjadi di Russia? Ataupun pemimpin juga sama-sama menjadi pemabuk?

Namun begitu, banyak suku-suku yang sudah dilawat Tuhan justeru meninggalkan adat dan budaya minum ini. Orang Kristian Dusun Talantang yang sudah mengasihi Tuhan misalnya sudah meninggalkan aspek minum tapai, lihing dan kinomol pada musim perayaan Kaamatan. Sebaliknya, mereka akan merayakannya dengan dansa tradisional dan muzik yang memuliakan Tuhan. Begitu juga dengan suku Lun Bawang dan Kelabit yang mengalami kebangunan rohani di awal sejarah kemasukan Kristian di Sarawak.

1. Apakah yang dapat kita pelajari daripada suku Lun Bawang dan Talantang?
2. Apakah yang akan terjadi kalau seseorang tidak menanggalkan aspek budaya yang tidak berkenan kepada Tuhan seperti minum,

berjudi dan berpesta pora setelah mengenal Tuhan?

3. Adakah kebiasaan yang seng, minum tuak dan tapai, serta todi itu satu adat yang tidak dapat dipisahkan walaupun kita sudah menjadi Kristian? Kenapa?
4. Ceritakan pengalaman dan pendapat anda tentang budaya minum yang terdapat dalam masyarakat anda.



Renungan Firman Tuhan

1. Adakah Alkitab melarang keras kita minum? Baca 1 Timotius 5:23 dan 1 Korintus 11:25.
2. Apakah yang dikatakan oleh Efesus 5:15-18 mengenai orang yang selalu kemabukan?
3. Baca Amsal 23:29-35 dan jelaskan apa kata Alkitab tentang orang yang selalu mabuk?
4. Kenapakah Alkitab menasihati agar orang tidak memabukkan diri? (Amsal 20:1)
5. Apakah akibat orang yang terlalu asyik minum minuman keras (Yesaya 5:11-12)?
6. Prinsip apa yang boleh kita belajar dari 1 Korintus 6:12.



Renungan Peribadi

Apakah yang akan anda lakukan jika anda diperhadapkan dengan isu minuman keras?

1. Hari Gawai dan Kaamatan telah tiba. Anda berkunjung ke rumah seorang teman dan dia mempersilakan anda untuk sama-sama meminum dari tajau tuak/tapai. Dia berkata Tuhan tidak akan marahlah...hanya satu gelas. Apakah yang akan anda lakukan?
 - a. Berkata terima kasih tetapi anda lebih suka kopi
 - b. Terima dan merayakan bersama mereka
 - c. Beritahu orang itu anda lebih suka Shandy
 - d. Minum sedikit demi menggembirakan kawan anda

2. Kawan anda kemudian menanyakan anda apa yang menyebabkan anda merasa begitu suci sehingga anda tidak menghiraukan adat budaya masyarakat setempat?

3. Walaupun anda yakin anda tidak akan minum banyak, adakah anda akan memulakannya? Yakinkah anda dapat mengawal diri?

 ★
 ★ **Santapan Minda** ★
 ★
 ★
 ★ Yesus dan Paulus berulang kali memperingatkan kita tentang pemabuk
 ★ yang tidak akan mewarisi kerajaan Allah (Lukas 21:34; 1 Korintus
 ★ 6:10; Gal. 5:21). Tidak sulit untuk kita membayangkan kenapa
 ★ mereka begitu tegas mengatakan demikian: kemabukan alkohol
 ★ seringkali membawa seseorang terjerumus dalam pembunuhan,
 ★ pergaduhan, memukul anak isteri, kemalangan jalanraya, dan
 ★ senarainya terlalu panjang untuk disebutkan. Kita akan merugikan
 ★ diri kita, keluarga kita dan masyarakat kita kalau kita menganggap
 ★ kemabukan itu sebagai hal yang remeh.
 ★
 ★ ~ Dr. Anderson Spickard, Vanderbilt University Medical Center
 ★
 ★
 ★*****



Doa

Minta kekuatan daripada Tuhan untuk melawan arus kebiasaan meminum.

Sabung Ayam Kampung Tergadai





Ayat Mas Alkitab

“Tangan yang lamban membuat miskin, tetapi tangan orang rajin menjadikan kaya.”
(Amsal 10:4)



Kata-kata Mutiara

“Orang yang bebas memiliki dirinya sendiri. Dia boleh memudaratkan dirinya dengan makan atau minum; dia boleh membinasakan dirinya dengan perjudian. Dan jika dia melakukan itu, dia pasti adalah seorang yang bebal kerana harga dirinya tidak lebih daripada seekor binatang” (G. K. Chesterton)



Aktiviti

Bersama “Judi, Judi, Judi I Love You”

Bincangkan dalam kumpulan anda tentang soalan-soalan berikut:-

1. Apa motivasi orang untuk berjudi?
2. Perjudian boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Berikan contoh-contoh untuk setiap jenis perjudian di bawah ini:
 - A. Berjudi
 - B. Pertaruhan:
 - C. Loteri:
 - D. Hadiah Nombor Bertuah:
3. Bagaimana pula dengan membeli insuran dan pelaburan? Adakah itu satu bentuk perjudian juga?

Tandakan benar atau salah untuk pernyataan-pernyataan di bawah.

1. Berjudi dapat mendatangkan kekayaan. _____
2. Berjudi dapat menolong seseorang untuk melepaskan diri dari tekanan hidup dan belunggu kemiskinan. _____
3. Berjudi dapat membuat seseorang lebih berfikiran tajam, terutamanya bila menyusun strategi dan urutan nombor. _____
4. Berjudi mungkin akan membuat seseorang kehilangan kawalan. _____
5. Keluarga kita akan merasa gembira kalau kita pandai berjudi kerana jika menang, kehidupan kita akan menjadi lebih mewah dan _____

- baik. _____
6. Berjudi akan menyebabkan kita melupakan tanggungjawab kita. _____
 7. Berjudi mungkin akan menyebabkan seseorang menggadai semua hartanya. _____
 8. Berjudi mungkin akan menyebabkan seseorang terlibat dalam perbuatan jenayah (seperti mencuri dan merompak), apa lagi kalau dia kesuntukan wang. _____
 9. Berjudi akan memberi seseorang harga diri yang tinggi, apa lagi kalau dia menang terus. _____
 10. Orang yang berjudi tahu cara yang baik untuk menggunakan wangnya. Itu adalah satu bentuk pelaburan untuk masa depannya. _____
 11. Menang dalam perjudian akan memberi kepuasan kerana kita sedang mengubah nasib kita kepada yang lebih baik. _____
 12. Seorang penjudi selalu menyalahkan orang lain atas masalah mereka. _____
 13. Kita sedang melakukan satu kebaikan bila kita menolong penjudi membayar segala hutang piutangnya. _____



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang akan anda katakan kepada orang yang mahu berjudi demi mengaut keuntungan? (2 Tesalonika 3:10)
2. Apakah yang dinasihati oleh Alkitab kepada orang yang malas dan mahu bertaruh untuk mencuba nasib supaya dapat mengaut kekayaan? (Amsal 10:4)
3. Mengapakah kita dikatakan membuat keputusan yang tidak bijak ketika kita berjudi? (Amsal 3:21)
4. Adakah keuntungan yang dikaut dari perjudian itu akan mendatangkan kesejahteraan kepada penjudi dan keluarganya? (Pengkhotbah 5:10)

5. Jelaskan bagaimana seseorang yang suka berjudi akan terjat ke dalam pelbagai percubaan? (1 Timotius 6:9-10)

6. Mengapakah Alkitab menasihati kita untuk berjaga-jaga terhadap segala ketamakan? (Lukas 12:15)

7. Salahkah seseorang membeli nombor ekor (seperti toto, 4D atau Magnum) dengan harapan untuk mendapat wang demi masa depan mereka? (Filipi 4:19)

8. Perlukah seseorang khawatir akan wang dan berjudi untuk mengaut lebih banyak wang? (Yesaya 58:11)




Renungan Peribadi

1. Pernahkah anda berjudi dan apa jenis perjudian yang anda terlibat?

2. Jika anda pernah (atau sering) berjudi, apakah yang memotivasi-kan anda untuk melakukannya?

3. Pernahkah anda meminjam duit untuk berjudi?

4. Baca petikan di bawah dan renungkan apa kata hati nurani anda.


Pemahaman tentang 'Nasib' – Satu penghinaan kepada Tuhan

Salah satu bantahan kami tentang perjudian adalah ia sering dikaitkan dengan 'nasib'. Apa itu nasib? Adakah perkara ini wujud dalam kehidupan kita sehingga ada yang sanggup (termasuk Kristian) melakukan sesuatu seperti percaya kepada feng sui supaya 'nasib' mereka boleh diubah menjadi lebih baik?

Sambung ~

~ Sambungan

Pemahaman ini bertentangan dengan ajaran Alkitab. Dalam Amsal 16:33, kita membaca “Undi dibuang di pangkuan, tetapi setiap keputusannya berasal dari pada TUHAN.” Jadi apa yang disebut orang sebagai ‘nasib’ sebenarnya adalah satu elemen Takdir Tuhan. Dia mengawal semua peristiwa. Bila duit syiling dilambung, itu bukanlah satu ‘nasib’ tetapi Tuhanlah yang menentukan adakah ia ‘kepala’ atau ‘ekor’. Bila buah dadu dilambung, nombor-nombor yang keluar bukanlah bergantung kepada ‘nasib’, tetapi telah ditentukan oleh Tuhan. Begitu juga dengan cabutan loteri.

Sebab itu perjudian, dalam bentuk apa sekalipun, adalah satu bentuk penghinaan kepada Tuhan Semesta Alam, kerana ia memberi sifat ‘nasib’ yang sebenarnya adalah satu Takdir Tuhan. Ini telah melanggar Hukum Ketiga: “Jangan menyebut nama TUHAN, Allahmu, dengan sembarangan”. Kerana Takdir Tuhan adalah satu cara Tuhan menunjukkan DiriNya, maka loteri dan pertaruhan adalah satu bentuk penyalahgunaan dan menyalahgunakan nama Tuhan. Jadi mereka yang berjudi itu dianggap berdosa sama ada sebagai “ateisme” (tidak percaya kewujudan Tuhan) atau “duniawi”. Jika mereka percaya keputusan dari satu perjudian itu bergantung kepada ‘nasib’, mereka berdosa kerana ateisme. Sebaliknya, bila mereka percaya jika keputusan itu bergantung sepenuhnya kepada Tuhan, mereka berdosa kerana cuba menggunakan Takdir Tuhan untuk mengaut keuntungan dari orang lain. Ini tidak lebih daripada cubaan untuk menggunakan kuasa Tuhan bagi tujuan dosa, sehingga mereka menjadikan Tuhan sebagai hamba mereka.

Orang Kristian yang sudah menyucikan kehidupan mereka kepada Tuhan, dan mengaku Dia sebagai Tuhan dan Tuan, berjanji untuk menjadi hamba-Nya. Dan menterbalikkan perkara itu adalah satu dosa. Jadi sebagai seorang Kristian, kita tidak boleh berkompromi dengan apa saja bentuk perjudian kerana ia bertentangan dengan sifat dan perintah Tuhan. Sebaliknya, kita harus berpendirian untuk menentang dan melawan apa sahaja bentuk godaan yang berada di hadapan mata kita. Adakah kita berani berkata “Tidak” bila semua orang berkata “Ya”?

Santapan Minda

Mungkin tidak ada rujukan ayat dalam Alkitab yang melarang kita berjudi, tetapi prinsip-prinsip pengurusan yang bijak dan bertanggungjawab itu sangat jelas di dalam Firman Tuhan. Di saat orang berkata mereka hanya ingin 'mengaut' sedikit wang yang lebih, kita umat Kristian harus bertanya kepada diri sendiri adakah wang yang kita miliki itu satu kelebihan sekiranya dunia ini masih belum lagi dijangkau oleh Berita Baik Tuhan Yesus?


~ Tom Watson Jr. (dalam buku *Don't Bet On It*)



Doa

Berdoalah agar kita tidak jatuh dalam menghadapi arus perjudian yang begitu marak di masyarakat kita.

War-Net





Ayat Mas Alkitab

“Takut akan Tuhan ialah membenci kejahatan; aku benci kepada kesombongan, kecongkakan, tingkah laku yang jahat, dan mulut yang penuh dengan tipu muslihat.”
(Amsal 8:13)



Kata-kata Mutiara

Saya sudah menekan butang CTRL di keyboard, tetapi tetap juga bukan saya yang memegang kawalan (*in control*). Dan kini saya sudah mula mengerti bunyi guruh di langit itu adalah tanda dari Tuhan untuk saya berhenti menghabiskan lebih banyak masa ke atas komputer.



Aktiviti Bersama Anda IT Genius?

Dalam beberapa kelompok, berbincang beberapa soalan dan berikan laporan mengenai perbincangan anda. Pembimbing anda akan membahagikan soalan-soalan berikut kepada setiap kelompok:

1. Permainan komputer menolong seseorang lebih mahir dalam IT (bidang komputer). _____
2. Permainan komputer sebenarnya boleh menolong seseorang memperbaiki kemahiran berfikir dan rasional. _____
3. Ketagihan permainan komputer akan menyebabkan seseorang tidak pandai mengurus waktu. _____
4. Permainan komputer sungguh menghiburkan tetapi ketagihannya boleh menjadikan seseorang membosankan kerana dia akan menjadi kurang berminat dalam aktiviti-aktiviti dan hobi lain yang lebih kreatif. _____
5. Ketagihan komputer boleh menyebabkan seseorang tidak sosial dan lebih suka bersendirian. _____
6. Mereka yang ketagihan komputer akan merosot dalam kesihatan kerana kekurangan tidur. _____
7. Kadangkala permainan komputer boleh menolong seseorang yang mengalami tekanan hidup. _____
8. Mereka yang terlibat dalam permainan komputer lebih daripada sejam tidak boleh memberi fokus dalam pekerjaan mahupun pelajaran mereka jika dibandingkan dengan mereka yang mengawal diri dan tidak bermain berjam-jam. _____

9. Seseorang yang ketagihan permainan komputer sering lupa berolahraga dan bertemu dengan kawan-kawan. _____
10. Ibu bapa harus meletakkan peraturan mengenai permainan komputer dan memastikan anak-anak mereka menurutnya. _____
11. Banyak anak kecil telah belajar banyak daripada permainan komputer yang mempunyai unsur pendidikan. _____
12. Ketagihan permainan komputer akan merenggangkan perhubungan anggota keluarga. _____
13. Permainan komputer sungguh bagus kerana temanya selalu berkisar antara kasih dan menolong orang lain. _____
14. Permainan komputer akan membentuk keyakinan diri seseorang. _____
15. Permainan komputer akan memberi kita lebih banyak kepekaan terhadap keganasan. _____
16. Permainan komputer akan mengajar kita lebih bersopan santun kerana bahasanya sangat halus. _____
17. Memain permainan komputer akan membawa kita lebih dekat kepada Tuhan. _____
18. Lelaki lebih suka bermain permainan yang berunsur keganasan dibandingkan dengan perempuan. _____
19. Kadangkala permainan komputer/video melibatkan ilmu sihir dan batin yang tidak memuliakan Tuhan. _____

Hampir semua permainan video memuat enam label ini:

Lambang/Label	Penjelasan
EC (Early Childhood)	Untuk kanak-kanak 3 tahun dan ke atas. Tidak mengandungi bahan-bahan yang dikhuatiri oleh ibu bapa.
E (Everyone)	Untuk semua yang berumur 6 tahun ke atas. Isi kandungannya memuat sedikit kartun, unsur fantasi, sedikit keganasan, bahasa sederhana.
E 10+	Untuk 10 tahun ke atas. Ada unsur kartun, fantasi, sedikit keganasan, dan sedikit tema yang lucu.
T (Teen)	Untuk 13 tahun ke atas. Ada unsur keganasan, tema lucu, jenaka dan bahasa yang kurang sopan, perjudian.
M (Mature) 17+	Untuk 17 tahun ke atas. Ada unsur keganasan, tema lucu, jenaka yang lucu, penumpahan darah yang ngeri, adegan seks, bahasa yang lucu.
M (Adults Only)	Untuk 18 tahun ke atas. Babak keganasan yang berlebihan serta penggambaran seksual yang grafik serta unsur-unsur bogel

1. Dalam satu ayat tuliskan apa yang anda fikir tentang permainan video atau komputer.
2. Berikan contoh-contoh permainan video yang anda tahu atau pernah main.
3. Jika kita melihat label-label dalam jadual tadi, adakah permainan video anda sesuai untuk orang yang mengenal Tuhan?



Renungan Firman Tuhan

1. Menurut anda, adakah permainan komputer dan video zaman sekarang lebih memaparkan pekerjaan Tuhan atau pekerjaan iblis? (Yohanes 10:10)
2. Apakah nasihat Firman Allah kepada mereka yang ketagihan dengan permainan komputer atau video? (Roma 13:12-14)
3. Dapatkah kita mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan jiwa, jika kita terlalu leka (ketagihan) dengan permainan komputer? Kenapa? (Matius 22:37-38)
4. Kalau kita menjunjung Allah dan ingin memiliki kekudusan minda, kenapakah permainan komputer dikatakan tidak menjunjung kebenaran? (Roma 1:18)
5. Apakah nasihat Firman Tuhan untuk kita yang ingin memelihara iman yang murni? (Yakobus 1:21)
6. Bagaimanakah kita memelihara ibadah yang murni? (Yakobus 1:27)
7. Dunia ini sudah tidak peka terhadap keganasan. Apakah yang dila-

kukan oleh permainan komputer terhadap kebaikan? (Yesaya 5:20)

8. Patutkah kita bermain permainan komputer yang mengandungi unsur-unsur sihir dan kata-kata ilmu sihir? Kenapa? (Ulangan 18:10-12)
9. Bolehkah seorang belia Kristian bermain permainan komputer yang mengandungi bahasa tidak sopan? Kenapa? (Efesus 4:29-30)



Renungan Peribadi

Tandakan penjelasan yang menggambarkan diri anda:

Penjelasan	Sikap Saya			
	Tidak Peduli	Pandai Kawal Diri	Kadang-kala	Tidak Terkawal (ketagihan)
1. Saya membatasi waktu bermain komputer.				
2. Saya hanya bermain permainan komputer yang tidak mengandungi unsur-unsur keganasan.				
3. Saya mementingkan tugas rumah dan kerja, dan hanya akan bermain permainan komputer dengan waktu yang ditetapkan.				
4. Saya tidak bermain permainan komputer yang mengandungi unsur-unsur sihir.				
5. Saya akan memilih permainan komputer yang sihat dan tidak membahayakan minda/jiwa saya.				
6. Saya memerhatikan isi kandungan permainan komputer sebelum membelinya.				
7. Saya akan segera berhenti kalau permainan komputer itu mempunyai babak keganasan, unsur-unsur seks, dan bahasa lucah.				

Nama permainan komputer/video yang saya main: _____

Senerai Semak	Ya	Tidak
<ol style="list-style-type: none"> 1. Ia mempunyai bahasa yang sopan. 2. Ia memiliki lakonan yang baik. 3. Ia memuat nilai-nilai dan moral yang baik. 4. Ia memuat cerita yang baik dan menarik. 5. Ia mempunyai didikan yang baik. 6. Ia sungguh menghiburkan. 7. Ia bersih dari keganasan dan pembunuhan. 8. Saya dapat mempelajari sesuatu daripadanya. 9. Ia tidak mempunyai unsur-unsur lucu. 10. Ia tidak mencemarkan moral dan rohani saya. 		

Saya mendapati permainan komputer saya semua _____

Santapan Minda

“Cara ransangan dan respon yang diulangi bertubi-tubi sungguh berkuasa. Hal ini jelas dalam permainan video dan komputer. Apabila musuh muncul, pemainnya mesti memberi respon dengan menyerang dan membunuh serta menikmatinya. Kaedah selanjutnya ialah menyamakan diri dengan makhluk-makhluk yang tertentu sebagai yang “berteladan.” Serigala manusia, hantu, ahli sihir dan raksasa diteladani dan dianggapi wira oleh si pemain.”

~ Grossman



Doa

Berdoa agar anda diberi kekuatan untuk mengawal diri, dan tidak dikawal oleh arus ketagihan permainan komputer atau video.

Tips Kemenangan Atas Pengaruh





Ayat Mas Alkitab

“Dan Yonatan menyuruh Daud sekali lagi bersumpah demi kasihnya kepadanya, sebab ia mengasihi Daud seperti dirinya sendiri.”

(1 Samuel 20:17)



Kata-kata Mutiara

Langkah bijak supaya kita tidak hanyut dalam kebiasaan buruk adalah memilih orang-orang yang setia, prihatin dan mengasihi Tuhan untuk menjadi teman-teman sejati kita.



Aktiviti Bersama

Menilai Tekanan Sosial...

Berbincang dalam kumpulan beberapa cara teman-teman anda boleh mempengaruhi anda secara positif atau negatif. Tuliskan secara spesifik, contohnya: mengajar merokok (negatif), ajak ke gereja (positif).

Pengaruh Positif	Pengaruh Negatif

Apa yang saya cari dalam seorang teman?

Bincang dan tuliskan nilai, sifat dan kualiti yang anda cari dalam seorang teman yang baik.



Renungan Firman Tuhan

Bacaan: 1 Samuel 20

1. Masalah apa yang dihadapi oleh Daud? (ayat 1)
2. Apa yang diminta oleh Daud daripada teman baiknya Yonatan? (ayat 5-12)
3. Apa yang dijanjikan oleh Yonatan kepada Daud? (ayat 11-17)
4. Apa yang berlaku kepada Yonatan setelah dia menunaikan janjinya kepada Daud? (ayat 30-33). Adakah dia mengecewakan Daud?
5. Baca petikan ini sekali lagi. Adakah Yonatan seorang teman yang baik? Tandakan kualiti-kualiti yang anda fikir ada pada Yonatan.
 - Setia
 - Prihatin
 - Tidak prihatin
 - Kedekut
 - Mengasahi Daud
 - Penakut
 - Berani
 - Bersedia untuk membela Daud
 - Sanggup mengorbankan dirinya sendiri
 - Mementingkan diri sendiri
 - Mengasahi Tuhan
 - Lain-lain: _____
6. Kualiti apakah yang terdapat pada Yonatan yang paling anda sukai?



Renungan Peribadi

Fikirkan tentang sahabat baik anda, atau beberapa orang teman yang anda selalu berkumpul. Sejauh manakah anda mengenali mereka? Pernahkah anda terfikir orang bagaimanakah orangnya yang sebenar? Di bawah ini ada beberapa data yang boleh membantu anda untuk mengenali dirinya dengan lebih baik lagi.

- Jenis filem yang dia gemari. _____
- Hobinya. _____
- Adakah dia menggunakan bahasa yang kesat? _____
- Perkataan atau ungkapan yang dia selalu pakai (contoh: *sial betul, matilah*, dll.) _____
- Adakah dia seorang Kristian? _____
- Adakah dia mengasihi Tuhan dan hidup sebagai seorang Kristian yang setia? _____
- Adakah dia mempunyai kebiasaan yang tidak baik (contoh: merokok, berjudi, peminum dll.) _____

Kualiti apa yang apa padanya? (bulatkan)

Baik hati	Prihatin	Setia	Pemurah
Mesra	Sabar	Mengasihi Tuhan	
Bertimbang rasa	Lain-lain: _____		

Yonatan tahu Tuhan mempunyai rancangan yang istimewa untuk Daud. Sebab itulah dia sanggup mengambil risiko menanggung kemarahan ayahnya, bahkan sanggup mengorbankan nyawanya untuk Daud.

Adakah teman anda sanggup/pernah melakukan sesuatu untuk anda?

Bagaimana dia mempengaruhi perhubungan anda dengan Tuhan? Tandakan (boleh lebih dari satu):

- Mendorong saya dalam perhubungan saya dengan Tuhan
- Selalu mentertawakan perhubungan saya dengan Tuhan
- Kami tidak pernah bercakap tentang kepercayaan saya.

- Suka mendorong saya untuk mengetahui lebih tentang agama/kepercayaannya.
- Selalu memberitahu saya untuk tidak terlalu terlibat dalam kegiatan gereja dan agama.

Santapan Minda

Tuhan, setelah belajar tentang beberapa arus kebiasaan dan ketagihan beberapa minggu ini, saya ingin meninggalkan kebiasaan buruk _____ (penyalahgunaan obat-obatan, rokok, alkohol, perjudian, permainan komputer yang ganas atau yang lain) yang telah menyebabkan saya ketagihan. Saya sadar diri saya tidak mampu memulihkan diri tanpa pertolongan Roh Kudus dan orang Kristian yang lain. Saya akan selalu:

- a. berdoa dan menyerahkan diri saya kepada Tuhan.
- b. meninggalkan tempat yang menyeret saya ke dalam kebiasaan buruk ini.
- c. meninggalkan kawan-kawan yang selalu ketagihan atau mempunyai kebiasaan buruk _____
- d. mencari pertolongan daripada pakar dan juga keluarga serta teman-teman saya yang rohani.

Sekarang, saya membuat komitmen untuk meninggalkan _____ dan akan melepaskan segala budaya lama yang tidak berkenan kepada Tuhan. Saya menolak segala pengaruh dan kesannya ke atas diri saya. Saya mengisytiharkan dalam kuasa nama Tuhan Yesus yang telah mati dan bangkit bagi saya bahawa saya telah dibebaskan daripada segala pengaruh negatif dalam kehidupan saya.

Dalam nama Yesus yang maha kuasa. Amin



Doa

Berdoalah supaya Tuhan membantu anda memilih teman-teman yang akan membawa pengaruh yang positif dalam kehidupan anda. Gunakan doa penyesalan dalam Santapan Minda untuk membantu anda membuat satu komitmen baru dengan diri anda dan Tuhan.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Semua Orang Pun Melakukannya



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa pengaruh kawan-kawan sangat signifikan.
2. Memahami sejauh manakah kita telah dipengaruhi oleh teman-teman.
3. Mempelajari punca-punca yang menyebabkan kita terpengaruh dan bagaimana menghadapinya.
4. Belajar berdiri di atas pendirian sendiri dan jangan mudah terpengaruh oleh teman-teman di sekeliling kita.



Pencetus Minat

1. Bahagikan kumpulan peserta kepada dua kumpulan kecil. Tujuannya ialah untuk melihat siapa yang boleh bertahan paling lama tanpa ketawa atau senyum.
2. Setiap kumpulan akan mengutus dua anggota untuk pertandingan ini. Suruh salah seorang peserta dari kumpulan-kumpulan yang akan menyertai pertandingan duduk di atas kerusi. Anggota-anggota daripada kumpulan berlainan akan membuat dia ketawa.
3. Apabila isyarat permainan ini dimulai, anggota daripada kumpulan yang berlainan akan cuba membuat dia ketawa. Mereka hanya boleh mengusik dengan gerak geri, mimik muka tetapi tidak boleh menyentuhnya.
4. Orang pertama yang ketawa akan dianggap kalah dalam pertandingan.
5. Kemudian setiap peserta akan menukar wakil.
6. Hadiah akan diberikan kepada kumpulan yang menang.

Interaksinya

1. Adakah anda ketawa kerana gerak-geri mereka terlalu lucu atau anda ketawa kerana teman-teman lain ketawa dengan terbahak-bahak?
2. Kalau hanya ada anda sendiri dan hanya satu orang yang membuat mimik untuk membuat anda ketawa, apakah mungkin anda akan bertahan lebih lama?
3. Pelajaran apakah yang anda dapat pelajari daripada permainan ini mengenai pengaruh kelompok?
4. Kita mengikut teman-teman kita mungkin kerana kita mahu menyenangkan hati mereka dan mahu diterima oleh mereka. Anda tidak mahu dicamkan terlalu kolot atau bodoh kerana tidak menurut

haluan mereka. Anda akan ikut sahaja tanpa memberi pertimbangan yang lanjut.



Aktiviti Bersama

Suruh para peserta menjawab lembar kerja “**Apa Yang Akan Anda Lakukan**” dan kemudian hitung jumlah markah yang mereka dapat untuk melihat apakah mereka mudah dipengaruhi teman-teman mereka.

- | | |
|----------------|-----------------|
| 1. A-1 B-2 C-0 | 2. A-1 B-2 C-0 |
| 3. A-0 B-2 C-0 | 4. A-1 B-0 C-2 |
| 5. A-1 B-2 C-0 | 6. A-1 B-2 C-0 |
| 7. A-0 B-2 C-1 | 8. A-2 B-0 C-1 |
| 9. A-0 B-2 C-1 | 10. A-0 B-2 C-1 |

Penilaian Markah

- 14-20 Anda mempunyai pendirian yang teguh dan tidak mudah terpengaruh oleh teman-teman anda.
- 10-13 Anda mempunyai pendirian diri namun kadangkala anda mengikut teman-teman anda
- 0-9 Pendirian anda lemah dan mudah terpengaruh oleh pendapat dan tingkah-laku orang lain.



Renungan Firman Tuhan

1. Umat Israel ingin seperti orang lain di sekeliling mereka dan mereka ingin seorang raja untuk menjamin keselamatan mereka. (1 Samuel 8:4-9, 19-20). Daripada beralih kepada Tuhan untuk jaminan keselamatan mereka, umat Israel menuntut seorang raja yang manusiawi. Sebab itulah, dalam sejarah umat Israel, mereka telah diperintah oleh banyak raja-raja yang zalim, sehingga membawa mereka jauh daripada Tuhan. Ini sama dengan kebanyakan kita. Tekanan-tekanan dari persekitaran dan persahabatan kadang-kala membuat kita ingin menjadi sama seperti mereka. Sebab itu kita terjebak dalam kebiasaan mereka yang kurang sihat seperti meminum alkohol, merokok, penyalahgunaan dadah dan menjadi anggota geng.
2. Tuhan mengasihi anda dan anda boleh mencari kasih serta jaminan di dalam-Nya. Anda tidak perlu mencari kawan-kawan anda untuk mencari penerimaan dan merasa dihargai. Anda milik Tuhan dan tidak perlu meniru atau mengikut pengaruh-pengaruh lain. Jaminan anda adalah di dalam Tuhan, bukan dalam persahabatan. (Roma 8:31-39)
3. Berdoa dan meminta kebijaksanaan daripada Tuhan. (Yakobus 1:5) Kadang-kala amat sukar untuk kita menentukan adakah kita harus ikut melakukan sekiranya semua teman kita juga melakukannya.

4. Alkitab mengajar kita untuk berseru dan meminta hikmat daripada Tuhan. Minta bimbingan daripada-Nya. Anda akan selamat kalau anda tidak menurut mereka dan tegas mengatakan 'tidak' (Amsal 2: 3-6)
5. Tuhan akan memberi anda keberanian untuk mengatakan 'tidak' ketika teman-teman anda mencadangkan sesuatu yang tidak baik untuk anda. (Mazmur 138:3)
6. Tidak, orang yang melakukan yang betul akan seberani singa tetapi kalau kita melakukan kesalahan, kita akan selalu takut. (Amsal 28:1)
7. Kita dinasihati agar jangan menurut corak dunia ini tetapi sebaliknya kita harus diubahkan sehingga kita membezakan apa yang berkenan kepada Allah dan apa yang tidak berkenan. (Roma 12:2)
8. Tidak, kita tidak patut hairan kalau dunia membenci kita kerana cara dunia ini memang berbeza daripada cara Tuhan. (1 Yohanes 3:13)



Renungan Peribadi

Inilah kesempatan anda untuk menyedarkan para peserta bahawa pengaruh teman sebaya sungguh kuat dan seringkali telah menyeret mereka untuk melakukan aktiviti yang tidak berkenan kepada Tuhan. Contohnya mereka tidak mahu minum tetapi oleh kerana semua teman sedang "Yam Seng" sewaktu ada pesta, mereka akan turut.

1. Banyak orang takut dianggap aneh atau ketinggalan zaman.
2. Bergaul dengan kumpulan yang sihat mendatangkan pengaruh positif dan sebaliknya juga terjadi.
3. Kadangkala sesetengah orang berkelakuan berlainan di gereja dan di luar.
4. Kadangkala belia turut menganiayai seseorang kerana semua orang melakukannya.

Minta sesiapa sahaja untuk menceritakan pengalaman negatif mereka sewaktu dipengaruhi oleh teman-teman untuk melakukan sesuatu yang tidak berkenan kepada Tuhan. Bincangkan respon yang diberikan mereka pada waktu itu.

Beritahu mereka bahawa mereka tidak perlu mengikut sahaja teman-teman mereka kerana mahu diterima. Mereka harus berbeza dalam corak dan fikiran mereka. Beritahu mereka bahawa Tuhan adalah autoriti dalam segala hal. Dia akan memberi kita kebijaksanaan, keberanian dan ketegasan di tengah-tengah pengaruh yang tidak baik.

Sesi 2: Gengster!!



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami kenapa banyak orang terjerumus dalam kegiatan gengster.
2. Memahami bahawa aktiviti-aktiviti gengster ini dianggap jahat di mata Tuhan.
3. Memahami bahawa mereka mesti menjauhkan diri daripada geng, sebaliknya bergaul dengan saudara-saudari seiman atau kawan-kawan yang memberi pengaruh yang baik.
4. Memikirkan aktiviti-aktiviti positif yang boleh diambil oleh mereka ketika diugut oleh anggota-anggota gengster.



Pencetus Minat (1)

1. Bahagikan mereka kepada dua atau tiga kumpulan.
2. Minta setiap kumpulan berbaris sehingga hujung bilik itu.
3. Letakkan satu beg plastik yang mengandungi makanan-makanan ringan di sudut lain dalam bilik itu.
4. Apabila anda kata "**Mula**" orang yang pertama akan berlari ke sudut kerusi itu, ambil beg plastik itu dan duduk di atas kerusi itu lalu mengambil satu makanan dan memakannya. Kemudian dia akan meletakkan beg plastiknya dan kembali ke barisnya. Orang yang berikutnya akan berlari ke tempat itu.
5. Setiap pemain akan memakan makanan apabila sampai gilirannya.
6. Kelompok yang menang adalah kumpulan yang pertama yang memakan habis semua makanan.
7. Kelompok yang kalah akan dimarahi oleh ketuanya dengan garang!

Penjelasan Permainan A

1. Dalam permainan ini, anda semua adalah sebahagian daripada kumpulan ini dan anda harus berfungsi sebagai satu kumpulan.
2. Walaupun makanan yang anda ambil tidak sedap namun anda terpaksa makan kerana anda adalah sebahagian daripada kumpulan itu.
3. Apabila anda menyertai satu kelompok anda perlu mengikut semua aktiviti-aktiviti kumpulan itu. Anda tidak ada pilihan lain kerana anda adalah anggota kumpulan itu. Kalau anda tidak mengikut perbuatan mereka, anda akan dianggap sebagai pengkhianat!
4. Menyertai satu kumpulan tidak menjadi masalah kalau aktiviti-aktiviti

mereka sihat namun kalau aktiviti-aktiviti mereka tidak baik, anda akan terjebak dalam banyak masalah dan kejahatan.

5. Sesi ini adalah tentang geng dan respon yang patut anda ambil terhadapnya.



Pencetus Minat (2)

1. Bentukkan dua lingkaran. Satu lingkaran dibentuk oleh para peserta dan lingkaran luar dilukiskan di lantai.
2. Setiap peserta akan memberi nombor kepada diri sendiri.
3. Muzik akan dimainkan dan semua orang akan bergerak.
4. Sewaktu pembimbing memanggil satu nombor, orang itu mesti berlari cepat dan keluar dari lingkaran luar kerana semua orang akan berusaha menangkapnya sebelum dia keluar.

Penjelasan Permainan B

1. Kalau kita sudah masuk dalam satu kumpulan geng, kita susah keluar daripada geng itu kerana mereka akan mengancam.
2. Kalau mereka tidak terlibat dalam kegiatan geng, beri amaran agar mereka jangan menyertai geng.
3. Kalau ada yang sudah menyertai geng, galakkan mereka untuk minta pertolongan dari pihak berkuasa dan keluar daripadanya.



Aktiviti Bersama Mengapa Orang Menyertai Geng?

1. Dia menyertai geng untuk mendapat perlindungan.
2. Dia menyertai geng kerana ingin diterima dan mendapat identiti diri. Selain itu, dia merasa kesepian dan bersendirian.
3. Dia menyertai geng kerana dia mahu memberontak.
4. Dia menyertai geng untuk mendapat perlindungan.
5. Dia ingin mencari sesuatu aktiviti yang membuat dia teruja.
6. Dia mungkin berasal dari keluarga yang tidak bahagia dan tidak mempunyai kawan-kawan yang menerimanya. Perasaan diterima dan dapat menjadi satu anggota.
7. Nyawa orang yang disayanginya terancam.
8. Untuk mendapat pertolongan jika perlu.

Jelaskan kepada para peserta bahawa walaupun geng ini menawarkan perlindungan dan pertolongan, mereka tidak boleh menyertai kerana cara yang digunakan geng selalunya kasar dan akan memudaratkan orang. Kalau mereka bersetuju dan mengikuti geng itu, masalahnya

akan bertambah rumit terutama apabila mereka tidak dapat memenuhi tuntutan geng. Selain itu, mereka tidak boleh menyertai geng kerana genster sering melakukan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang, dan bahasa yang dipakai juga tidak senonoh.



Renungan Firman Tuhan

1. Alkitab menasihati anda untuk menjauhkan jalan-jalan orang yang jahat kerana mereka mengancam orang yang lemah, menggunakan cara-cara yang keras dalam aktiviti mereka, mereka juga terlibat dalam pembohongan dan penggunaan bahasa yang tidak senonoh. Tentu sahaja mereka tidak memberi keutamaan kepada Tuhan dalam hati mereka. (Mazmur 1:1)
2.
 - a. Congkak (sombong), fasik dan penuh tipu daya (Mazmur 10:2)
 - b. Tidak mengenal Allah (Mazmur 10:4)
 - c. Lidah mereka suka sumpah serapah, tipu muslihat dan kelaliman (Mazmur 10:7)
 - d. Mereka congkak dan melakukan kekerasan (Mazmur 73:6)
 - e. Mereka memegahkan diri. (Mazmur 52:3)
3. Kita tidak harus mengikut mereka kerana mereka melakukan kelaliman dan bersifat sebagai pencemooh. Tuhan tidak akan memberkati mereka atau aktiviti-aktiviti mereka. (Amsal 3:31-35)
4. Kita sudah istimewa di dalam Tuhan dan di mata Tuhan. Tuhan mengasihi kita dan sudah memberi kita identiti yang berharga, kita tidak perlu menyertai geng untuk merasa istimewa. (Yesaya 43:3) Gabunglah dengan 'geng kepunyaan Tuhan', iaitu mereka yang percaya kepada Tuhan. Carilah masa untuk melakukan hal-hal yang berkenan di mata Tuhan bersama mereka. Mereka adalah teman-teman yang boleh anda percayai dan meminta tolong ketika menghadapi masalah. Sekiranya anda tidak mempunyai kawan-kawan Kristian di sekolah atau tempat kerja, pastikan anda bercampur dengan mereka yang akan memberi pengaruh baik kepada anda sahaja.
5. Orang fasik akan menerima penghakiman dan juga jalan mereka akan menuju ke kebinasaan. (Mazmur 1:4-6)
6. Kalau kita ingin mencari persahabatan, marilah kita mencari kawan-kawan yang setia kepada kebenaran dan mempunyai pengaruh baik. Kita juga bergaul dengan kawan-kawan yang beribadah supaya kita saling didorong untuk berbuat kebaikan. (Mazmur 107:6-7; Ibrani 10:24-25)



Renungan Peribadi

Nasihati para peserta agar menjauhkan diri daripada geng-geng supaya tidak terjebak dalam masalah-masalah dan kesusahan. Tanyakan mereka apa yang harus dilakukan oleh mereka kalau mereka sudah menjadi mangsa satu geng.

Kalau mereka diugut oleh gangster, nasihati mereka untuk melaporkannya kepada pihak berkuasa dan polis kalau perlu. Mereka tidak boleh menyerahkan diri kepada kehendak sesuatu geng kerana takut. Kalau mereka berbuat demikian mereka sulit membebaskan diri. Kalau mereka sudah melaporkan hal itu, mereka tidak boleh bersendirian merayap di luar atau keluar hingga lewat malam. Mereka juga harus meminta pertolongan daripada Tuhan dan meminta saudara saudari seiman untuk mendoakan mereka.

Nasihati mereka agar jangan menjadi pahlawan dan melawan geng seperti Bruce Lee atau Rocky.



Doa

Suruh mereka berdoa untuk sesama dan minta pertolongan daripada Tuhan agar mereka hanya bergaul dengan kawan-kawan yang baik. Minta keberanian daripada Tuhan jika mereka menjadi mangsa geng dan minta pertolongan daripada Tuhan.



Aktiviti Tambahan

1. Kalau anda mengenal seseorang yang pernah terlibat dalam aktiviti gengsterisme dan sudah bertaubat, anda boleh mengundang dia untuk berkongsi dengan kelompok anda. Anda boleh juga mengundang seorang polis untuk menceritakan apa yang harus mereka lakukan sekiranya mereka diancam oleh geng.
2. Anda boleh memainkan VCD *“The Cross and the Switchblade”*. Cerita itu juga boleh didapati dalam bentuk buku. Buku lain adalah *“Run Baby Run”* oleh Nicky Cruz.

Sesi 3: Merokok Barulah Macho!



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bagaimana seorang belia boleh terjebak dalam tabiat merokok.
2. Memahami proses yang menyebabkan ketagihan merokok.
3. Memahami prinsip-prinsip Alkitab dalam hal merokok.
4. Memahami bahaya asap rokok untuk orang yang tidak merokok.
5. Mengetahui manfaat-manfaat berhenti merokok.



Pencetus Minat

Permainan Perkataan

1. Berikan sehelai kertas dan sebatang pensel kepada setiap orang.
2. Anda akan memberitahu kelompok anda bahawa sewaktu anda menyebut sesuatu perkataan, mereka mesti menulis semua yang berkaitan dengan perkataan itu. Contohnya Nasi Lemak-ikan bilis, santan, nasi, sambal, sotong, telur, timun, daun pisang...
3. Sebutkan beberapa perkataan dan kemudian satu jenama rokok-*Malboro* dan *Salem*.
4. Bincanglah sedikit tentang barang-barang yang anda sebutkan tadi. Kita biasanya boleh menjelaskan sesuatu kalau kita tahu barang itu atau pernah menggunakannya. Bagaimanakah anda tahu hal mengenai merokok? Anda mungkin mendengarnya atau melihat orang merokok atau membacanya dalam suratkhabar.
5. Majalah-majalah atau filem sering menggambarkan merokok sebagai sesuatu yang tenang dan memuaskan seperti menggunakan pemandangan gunung-ganang dan permainan yang tenang untuk memberi kita bayangan yang palsu tentang merokok.



Aktiviti Bersama

1. Pengaruh daripada teman-teman/keinginan untuk tahu
2. Ingin bergaya (cool)
3. Tekanan hidup
4. Kebosanan hidup
5. Pengaruh keluarga
6. Pergaulan dengan kawan-kawan yang merokok

Biar mereka mengerti bahawa merokok bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada diri sendiri, tetapi juga kepada orang di sekitar mereka yang tidak merokok. Anak-anak menghadapi risiko yang tinggi sekiranya ibu bapa mereka merokok. Apa lagi kalau mereka tinggal di rumah yang kecil, sesak dan pengudaraan yang tidak baik.



Renungan Firman Tuhan

1. Sungguhpun Alkitab tidak berbincang tentang merokok atau penagihan dadah secara langsung, tetapi kita boleh melihat prinsipnya dan mendapat panduan daripadanya. Prinsip yang pertama adalah menjaga tubuh badan kita. Paulus berkata kita tidak boleh melakukan percabulan terhadap tubuh kita kerana tubuh kita adalah bait Allah dan Dia tinggal di dalamnya. Kita perlu menjaga tubuh kita agar tubuh kita tidak menjadi tempat yang tidak suci bagi Roh Kudus. Bagaimanakah prinsip ini berkaitan dengan merokok? (*Beri mereka peluang untuk menjawabnya*). Merokok merosakkan kesihatan dan merosakkan bait Allah dalam diri kita. (1 Korintus 6:18-20) Bila kesihatan tubuh kita terganggu, kita berdosa terhadap tubuh yang Kristus telah mati baginya. Kerana merokok tidak baik untuk kesihatan, anda akan melawan keinginan Tuhan untuk diri anda sekiranya anda mulai merokok. Prinsip inilah yang harus kita pegang.
2. Ini adalah prinsip yang kedua iaitu, kita harus bersikap bijaksana dan berhati-hati sewaktu membuat keputusan. Kita tidak boleh berfikir mudah dan mengikut secara membabi buta sahaja. Kita tidak boleh terpengaruh oleh iklan atau pengaruh teman-teman kita dan menyalakkan rokok. (Amsal 14: 8, 15). Bagaimana prinsip ini berhubung-kait dengan merokok? (biar mereka jawab). Jangan kita terlalu cepat terpengaruh dengan apa yang kita lihat di kaca TV, baca di majalah-majalah atau apa yang dilakukan oleh teman-teman kita. Fikir dahulu sebelum membuat satu keputusan. Jika anda tahu bahawa merokok itu tidak baik untuk kesihatan dan anda boleh ketagihan, anda harus bersikap bijaksanan dan berhati-hati sebelum memulakan batang rokok yang pertama.
3. Kita harus mengikut teladan Imam Besar kita, Tuhan Yesus yang telah diuji namun tidak pernah jatuh dalam dosa. (Ibrani 4:15)
4. Walaupun Tuhan Yesus dihina dan dihindari orang kerana Dia tahu Dia sedang membuat sesuatu yang betul. Dia sedang menebus dosa manusia dan segala hinaan tidak akan menghentikan Dia. (Yesaya 52:3-4)
5. Jika anda seorang perokok, 2 prinsip dalam petikan Alkitab yang

kita baca boleh membantu kita untuk meninggalkan tabiat merokok. Merokok juga boleh disamakan dengan 'membakar wang' kerana rokok tidak murah. Sebagai orang Kristian, kita haruslah menjaga kesihatan tubuh kita (iaitu bait Allah) dan bijaksana dalam membuat keputusan (iaitu mengatur perbelanjaan bulanan dan harian kita).

6. Apa yang kita buat sama ada makan atau minum, kita harus melakukannya demi Allah dan kemuliaan-Nya. Merosakkan kesihatan kita tidak memuliakan Tuhan. (1 Korintus 10:31)
7. Walaupun kita muda, kita harus menjadi teladan dalam tingkah laku, perkataan, kesucian, kasih dan kesetiaan kita kepada Tuhan. Kita tidak mahu merokok kerana tabiat ini bukanlah satu teladan yang baik bagi orang dan ia tidak menceritakan kesetiaan kita kepada Tuhan. (1 Timotius 4:12)



Renungan Peribadi

Bincang bersama mereka manfaat yang didapati sekiranya seorang perokok berhenti merokok. Beritahu mereka berhenti merokok itu memerlukan satu azam yang kuat. Dan adalah sangat berbaloi untuk tinggalkan rokok.



Doa

Berdoa bersama para peserta dan meminta agar Tuhan memberi mereka kekuatan untuk menghadapi segala cabaran dan godaan untuk merokok. Minta agar mereka diberikan kebijaksanaan untuk membuat pilihan yang baik dan tidak menurut tanpa berfikir banyak.

Sesi 4: Dadah Perosak Bangsa



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari jenis-jenis dadah dan kesan buruk penyalahgunaan dadah.
2. Memahami kenapa orang boleh ketagihan dadah.
3. Memahami Firman Allah tentang penagihan dadah.
4. Menggalakkan mereka yang menyalah-gunakan ubat-ubatan untuk tinggalkan kebiasaan itu.



Pencetus Minat (1)

Tunjukkan gambar-gambar atau video klip tentang penagih dadah dan keadaan mereka. Kalau anda ada klip suratkhobar tentang orang yang dijatuhkan hukuman mati, anda boleh tunjukkan kepada para peserta anda.



Pencetus Minat (2)

1. Berikan setiap orang sebiji balon dan tali.
2. Mereka akan meniup balon itu dan mengikatnya pada kaki mereka
3. Kemudian mereka akan menggulung suratkhobar dan menggunakannya untuk memecahkan balon kawan-kawan mereka.
4. Kawan-kawan mereka juga berusaha memecahkan balon mereka.
5. Berilah hadiah kepada peserta yang balonnya tidak dipecahkan orang lain.

Para belia selalu mencari aktiviti atau permainan yang lebih teruja untuk membuat mereka gembira dan tercabar. Kadangkala aktiviti teruja ini sihat dan kadangkala aktiviti mereka boleh membawa kita ke lorong pembinaasan.



Aktiviti Bersama

Berikan setiap peserta satu lembar kertas putih. Suruh mereka melukiskan imej yang timbul dalam minda mereka ketika anda menyebut perkataan dadah. Setelah beberapa minit, bincang dengan mereka tentang imej-imej yang dilukiskan oleh mereka lalu bincangkan tentang apa yang dilukiskan. Contohnya kalau mereka melukiskan tengkorak,

mungkin mereka boleh menjelaskan bahawa penagihan dadah akan membawa maut kepada seseorang.

I. Ujian Tentang Dadah

1. Salah. Dadah memberi 'high' atau 'khayalan' tetapi ia akan membinasakan minda seseorang. LSD akan menyelewengkan cara seseorang melihat sesuatu.
2. Salah. Dadah ini juga boleh mencacatkan tubuh dan otak.
3. Betul. Ia sejenis pengambilan dadah yang mempunyai kesan sampingan yang buruk.
4. Salah. Setelah mengambil dadah, tubuh anda menjadi lebih toleran terhadapnya tetapi setelah melalui satu jangka waktu, anda perlu mengambil lebih banyak untuk mendapat khayalan dan ingin lebih sehingga anda menjadi ketagihan.
5. Betul. Cabaran kehidupan dan tekanan menyebabkan seseorang mengambil dadah untuk melepaskan diri daripada masalah namun lebih banyak masalah akan timbul setelah ini.
6. Betul. Pemuda-pemudi sering dipengaruhi oleh teman-teman dan akan mencubanya kerana perasaan ingin tahu.
7. Betul. Pengkaji Jean Richardson dari University Southern California berkata mereka yang berasal dari rumah atau keluarga kosong lebih terdedah kepada kemungkinan ketagihan dadah atau alkohol.
8. Betul. Ketagihan dadah akan membawa kita ke lembah pelbagai kemerosotan moral seperti memberontak terhadap ibu bapa, mencuri, terlibat dalam percabulan sewaktu berada dalam keadaan khayal, kegagalan dalam pelajaran dan mungkin membunuh diri.
9. Betul. Ponteng sekolah dan ponteng kerja kerana perlu mencari dadah.
10. Salah. Seorang penagih dadah akan berusaha mengelakkan ibu bapa mereka dan kawan-kawan yang tidak ketagihan kerana rasa malu, bersalah dan rendah diri.
11. Salah. Sebaliknya semua jenis dadah akan membuat si penagih kehilangan cita-cita, impian dan arah kehidupan mereka.
12. Betul. Dadah akan mengusutkan perasaan dan fikiran. Selain itu, dadah mengancam minda dan kesihatan seseorang.
13. Betul. Dadah memang mahal dan memakan banyak wang. Kesuntukan wang akan memaksa seseorang untuk melakukan yang tidak diingini.
14. Betul. Ketagihan dadah boleh mencacatkan janin dalam kandungan seorang ibu.
15. Betul. Perkongsian jarum antara penagih dadah sering mendedahkan seorang penagih kepada bahaya HIV.

16. Betul. Sesetengah pemuda mengikut bintang pop dan gaya kehidupan mereka.
17. Salah. Kodeina boleh menyebabkan serangan jantung dan juga kemandulan.
18. Betul.
19. Betul
20. Betul

II. Jenis Dadah

1. Peransang (*Stimulants*)
2. Penekan (*Depressant*)
3. Nikotin (*Narcotics*)
4. Halusinogen (*Hallucinogens*)

Penjelasan Tentang Dadah Kepada Peserta

1. Biasanya orang mengambil dadah untuk membuat mereka khayal dan memberi mereka keransangan buat sementara sahaja.
2. Dadah seperti LSD boleh membahayakan minda anda walaupun dalam dos yang kecil.
3. Walaupun anda mengambil dos yang kecil, tubuh anda menginginkan lebih untuk mendapat ransangan lagi. Semakin hari semakin anda memerlukan dos yang lebih besar.
4. Anda akan ketagihan sehingga anda tidak boleh tahan tanpa dadah setiap hari.
5. Penggunaan yang berlebihan akan mengakibatkan kulit yang kering, sakit tekak yang parah, sakit hati dan pancreas. Selain itu, penagih dadah jangka panjang akan mengalami leukemia, serangan jantung, kemandulan, kerosakan tisu dan kekurangan khasiat.
6. Selain itu prestasi pelajaran serta pekerjaan mereka juga akan merosot.
7. Mereka akan merasa bersalah dan akan memisahkan diri daripada ibubapa mahupun kawan-kawan.
8. Kadangkala seorang penagih dadah cenderung memikirkan cara untuk membunuh diri.



Renungan Firman Tuhan

1. Tunjukkan belas kasihan kepada mereka dengan meminta pertolongan seorang pastor atau kaunselor agar mereka boleh memberi bimbingan atau pertolongan kepadanya. (Yudas 22-23)

2. Gereja tidak boleh memandang penagih dadah sebagai sampah masyarakat tetapi sebaliknya menolong mereka kembali ke jalan yang benar dengan lemah lembut sambil menjaga diri sendiri agar mereka tidak kena pencobaan. (Galatia 6:1)
3. 1 Korintus 6:12 adalah satu prinsip yang perlu kita pegang dalam penggunaan ubat-ubatan: (i) Jangan biarkan mereka memudaratkan engkau; dan (ii) Jangan biarkan mereka mengawal engkau. Tubuh kita adalah milik Tuhan dan kita tidak boleh merosakkannya dengan bahan-bahan yang bahaya.
4. Kita harus selalu sedar dan berjaga-jaga. Ketika diperhadapkan dengan keadaan bahaya, lawanlah dan lari darinya. (1 Peter 5:8)
5. Sekalipun perikop ini menjelaskan bagaimana kita tidak boleh berdosa terhadap tubuh kita dengan percabulan, prinsipnya juga boleh diaplikasikan dengan pengambilan dadah. Dengan pengambilan dan ketagihan dadah, kita merosakkan tubuh kita yang dimiliki Allah dan ditebus dengan Diri-Nya. (1 Korintus 6:15-20)
6. Sewaktu seseorang mengalami kesusahan dan kesesakan, dia harus berseru kepada Tuhan untuk meminta pertolongan. (Mazmur 34:18)
7. Hanya Tuhan dapat mengenyangkan kelaparan batin kita. Dadah hanya memberi ransangan buat sementara dan setelah itu seseorang akan mengalami depresi dan setelah itu seseorang akan merasa sedih dan gelisah lagi. (Mazmur 34:11)
8. Kita tidak boleh mengikut gaya hidup teman-teman kita khususnya dalam hal pengambilan dadah. Kita mesti tahan diri daripada tawaran untuk menikmati pil ghairah dan melangkah seribu sewaktu ditawarkannya. (Amsal 1:15)
9. Menyeludup dan mengedar adalah salah di sisi undang-undang di Malaysia. Sesiapa yang tertangkap dalam perbuatan ini, undang-undang di Malaysia ialah hukuman maut. Firman Allah juga memerintah agar kita agar jangan menandatangani hukuman dengan melawan ketetapan undang-undang ini. (Roma 13:1-3)
10. Seorang pengedar dadah dan penyeludup dadah harus segera bertaubat kerana amaran Tuhan sungguh tegas. Dia menentang orang yang berbuat jahat. (Mazmur 34:17)



Renungan Peribadi

Surat Dari Penjara

Rudy tidak sanggup menderita sebentar di pusat pemulihan sehingga mencapai kemenangan dan dia tidak bersandar kepada kuasa pemulihan Tuhan. Penyesalan Rudy hanya datang setelah maut meringkuk di ambang pintunya.



Doa

Mintalah kepada Tuhan untuk memberi kebijaksanaan dan ketegasan untuk menolak pengaruh-pengaruh yang tidak baik atau tawaran mencuba ubat-ubatan. Doakan pemuda-pemudi yang ketagihan dadah agar mereka dapat diselamatkan daripada dadah yang membinasa kehidupan mereka.



Aktiviti Tambahan Main Peranan

1. Beri dua situasi untuk peserta-peserta anda bermain peranan. Dua kumpulan akan memainkan peranan. Tuliskan dua main peranan dan letakkannya dalam kotak atau tin lalu meminta setiap pemimpin kumpulan memilih kertas main peranan tersebut.
2. Dua main peranan adalah seperti berikut:
 - (a) Anda sedang berkelah dengan sekumpulan kawan. Mereka sedang menghisap sesuatu dan anda terhidu baunya. Anda menyedari mereka sedang menghisap ganja. Salah seorang kawan mendekati anda dan memujuk anda untuk menghisapnya. Tugas anda adalah cuba memujuk temanteman agar meninggalkan tabiat mereka dan memberi amaran tentang bahaya ganja.
 - (b) Anda sedang bercakap-cakap dengan salah seorang kawan baik anda. Dia menceritakan bahawa dia kini ketagihan menghidu gam (perekat) dan penanggal kuku. Dia menghidu untuk mengalami sedikit perasang. Anda akan cuba meyakinkan temannya kenapa menghidu gam itu berbahaya.
3. Berilah mereka beberapa minit untuk berdiskusi. Tetapi beritahu mereka bahawa mereka hanya perlu berbincang dan tidak perlu menulis dialognya.
4. Jelaskan lagi bahaya penyalah-gunaan dadah.

Sesi 5: Adat Atau Tabiat?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami prinsip Alkitabiah mengenai minuman keras dan risiko menjadi seorang kaki botol.
2. Mengkaji dan membuat keputusan sendiri adakah budaya minum itu satu adapt atau alasan untuk satu tabiat.
3. Memahami bahawa walaupun ada orang Kristian yang percaya kesederhanaan dengan minuman alkohol, adalah lebih banyak tidak minum sama sekali kalau kita tidak kuat melawan ketagihan.
4. Membuat komitmen untuk tidak minum minuman keras.



Pencetus Minat (1)

Tunjukkan gambar yang menunjukkan kemalangan dan yang menjelaskan bahawa banyak kemalangan terjadi kerana pemandunya mabuk. Banyak orang muda juga menemui maut kerana mereka memandu dalam keadaan mabuk.

1. Kadangkala pemandu dan penumpangnya kehilangan kaki dan tangan mereka.
2. Mereka membunuh diri sendiri dan orang lain.
3. Mereka menyedihkan ibu bapa mereka kalau mereka meninggal dunia dalam kemalangan jalanraya.
4. Mereka merosakkan masa depan mereka.



Pencetus Minat (2)

1. Bahagikan peserta-peserta anda kepada dua kumpulan. Pada satu sudut bilik diletakkan baldi yang kosong. Satu baldi air dan satu penceduk diletakkan pada permulaan garisan.
2. Sewaktu anda berkata “mula” peserta yang pertama dalam garisan akan menceduk air dan menuang air ke baldi di sudut lain dalam bilik.
3. Kumpulan yang mempunyai baldi yang lebih penuh akan menjadi pemenang.
4. Jelaskan bahawa pemenang mesti berfokus sewaktu menceduk air dan berjalan ke sudut lain dalam bilik agar air tidak tertumpah.

Penjelasan

Sedikit alkohol dalam tubuh kita akan membuat tumpuan kita terbuang. Kajian menunjukkan orang yang mempunyai 0.4 peratus alkohol dalam edaran darah akan menghadapi 7 kali risiko kemalangan jalanraya dibandingkan dengan mereka yang tidak mempunyai alkohol dalam edaran darah.



Aktiviti Bersama

1. Suruh mereka membaca tiga petikan yang diberi. Jelaskan bahawa kebudayaan minum tuak telah menjejaskan suku-suku seperti Lun Bawang dan Kelabit sehingga mereka hampir terpusus akibat masalah minum dan kemabukan. Kemabukan telah menyebabkan mereka melalaikan tanggungjawab menjaga kebersihan diri dan rumah, sehingga mereka mudah dijangkiti penyakit.
2. Kalau satu suku tidak tinggalkan aspek-aspek negatif dalam kebudayaan mereka, mereka akan tetap hidup lama dan kuasa pembaharuan Kristus tidak dapat dinyatakan dalam kehidupan mereka. Selain itu, mereka tidak boleh menjadi saksi yang baik.
3. Kerana ini bersangkutan dengan budaya dan adat yang mereka pegang/ketahui, biarlah mereka berbincang dari sudut pandang budaya. Biar mereka membuat keputusan sendiri.



Renungan Firman Tuhan

1. Adakah Alkitab mengatakan anda tidak dibenarkan untuk minum? (biar mereka jawab). Dalam perkahwinan di Kana, Yesus tidak melarang orang untuk meminum anggur. Apa yang Dia lakukan di Kana? (biar mereka jawab). Anggur digunakan secara meluas oleh orang Yahudi sebagai minuman dan Yesus juga menggunakan anggur sebagai lambang kepada darah yang Dia curahkan untuk kita (1 Korintus 11:25). Kebudayaan orang Yahudi adalah mereka mempunyai peraturan yang ketat tentang alkohol. Walaupun minuman diizinkan, mereka tidak mempunyai masalah kemabukan kerana mereka telah diberi bimbingan yang ketat dalam hal ini. Apa lagi kemabukan dilarang sama sekali. Dalam budaya Yam Seng contohnya, kita mudah terpengaruh dan terbawa dalam kemabukan khususnya apabila meminum bersama kawan.
2. Alkitab tidak melarang kita untuk tidak minum alkohol langsung. Tidak seperti dalam Islam yang mengharamkan alkohol, Alkitab mengajar kita untuk jangan minum sehingga kemabukan (Efesus 5:18). Ini adalah kerana kemabukan akan membawa anda melakukan pelbagai perbuatan yang tidak masuk akal dan tidak waras, yang tidak anda lakukan bila anda tidak dipengaruhi oleh alkohol. Baca Kejadian 9:21. Efesus 5:15 mengatakan bahawa anda harus perhatikan bagaimana anda hidup. Jangan seperti orang bebal, tetapi jadilah seperti orang yang arif.

3. Sewaktu kita menjadi mabuk kita tidak dapat berfikiran waras dan akan bertengkar serta mencederakan orang lain. Kita akan mengungkapkan kata-kata yang tidak masuk akal dan memalukan diri sendiri. (Amsal 23:29-35). Kita sudah belajar di sesi yang lain bahawa Roh Allah tinggal di dalam tubuh kita (bait Allah) dan kita harus menjaga serta memulihkan Tuhan dengan tubuh kita. Alkohol memberi kesan kepada si peminum dengan memperlambatkan otaknya berfikir dan badannya berfungsi. Sebab itulah bila orang mengambil terlalu banyak alkohol sehingga mabuk, dia tidak dapat berjalan dengan betul, berdiri serta berfikir dengan baik. Ini akan membawa dia melakukan banyak perkara-perkara yang tidak baik. Pada akhirnya, alkohol dapat membunuh kerana ia merosakkan hati, otak dan jantung si pemabuk dengan membunuh sel-sel dan melemahkan organ-organ.
4. Orang yang meminum minuman keras akan terhuyung-hayang dan menjadi peribut. Mereka berada dalam keadaan bahaya kerana mereka tidak sedar apa yang terjadi, di mana mereka berada atau apa yang dilontarkan mulut mereka. (Amsal 20:1)
5. Yesaya menggambarkan orang-orang yang terlalu ghairah dengan meminum sehingga mereka minum siang dan malam. Akibatnya mereka tidak lagi memperhatikan pekerjaan mahupun pelayanan Tuhan dan amarah Tuhan tertuju kepada mereka (Yesaya 5:11-12).
6. Paulus mengatakan bahawa Tuhan telah menciptakan segala sesuatu, dan semuanya halal. Tetapi bukan semuanya itu berguna. Sedikit alkohol boleh membantu dalam kesihatan (contohnya orang yang baru bersalin, atau yang mempunyai penyakit tertentu). Tetapi bila diambil berlebihan, itu akan menjadi satu dosa kerana mereka menjadi ketagih dan diperhambakan olehnya.

Ada denominasi atau kelompok Kristian yang tidak mempunyai masalah dengan anggota-anggota mereka meminum, asalkan mereka mengawal diri mereka supaya tidak sampai mabuk. Ada denominasi yang melarang keras atau mengharamkan anggotanya meminum kerana itu pasti akan menyebabkan mereka kemabukan. Sedangkan ada denominasi yang mengharamkan semua bentuk minuman ber-alkohol. Apa sahaja pegangan gereja anda tentang alkohol, kita harus ingat satu perkara ini: pengambilan alkohol yang berlebihan akan menyebabkan pelbagai perbuatan yang tidak manis dan akhirnya akan memudaratkan badan anda. Kebanyakan orang akan mendapati sukar untuk mengawal diri.

Sebab itu, adalah lebih baik untuk kita menjauhkan diri dari minuman keras. Kita tidak tahu sejauh mana had kita, apa lagi kalau anda berada dalam sekelompok teman-teman yang meminum minuman keras, yang memberi pelbagai tekanan kepada anda untuk minum. Anda mungkin tidak dapat menolak permintaan mereka apa lagi yang diatas-namakan sebagai adat dan tradisi. Sebab itu, adalah lebih baik untuk anda berkeras untuk tidak minum daripada meminum sehingga anda tidak dapat mengawal diri.



Renungan Peribadi

Gunakan lembar kerja sesi ini untuk berbincang dengan para peserta. Jelaskan kepada mereka dilema yang sering dihadapi terutamanya kalau kita berasal dari suku atau bangsa yang banyak minum. Bagaimana mereka menghadapi masalah tersebut? Biarlah mereka berkongsi pengalaman.



Doa

Berdoa agar Roh Kudus memberi mereka kekuatan dan kebijaksanaan dalam menghadapi arus kebiasaan meminum di rumah, masyarakat dan suku mereka.

Sesi 6: Sabung Ayam, Kampung Tergadai



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami kesan-kesan negatif yang terjadi dalam kehidupan orang yang suka berjudi.
2. Memahami Firman Tuhan dan menerapkan prinsip-prinsip Alkitabiah dalam kehidupan mereka untuk menjauhi perjudian.
3. Membuat komitmen hidup benar dan suci dalam Tuhan.



Pencetus Minat (1)

1. Bahagikan kumpulan anda kepada beberapa kelompok kecil untuk permainan ini.
2. Sediakan kotak-kotak yang mempunyai carik yang mempunyai nombor. Setiap kotak mesti mempunyai carik-carik kertas yang sama dan nombor yang sama. Nombornya boleh 0 hingga 500,000 dan juga angka-angka yang negatif seperti -100,000 atau -200,000. Carik-carik kertasnya mesti melebihi jumlah peserta.
3. Sewaktu anda berkata "**mula**", peserta setiap kumpulan akan berlari dan mengambil satu carik. Mereka akan membaca nombornya yang akan dicatat di papan kemudian.
4. Campurkan semua nombor untuk melihat kumpulan mana yang menang.



Pencetus Minat (2)

Bahagikan kepada beberapa kumpulan dan kemudian main peranan dari kes-kes perjudian ini.

Kes A

Muthusami sering berjudi dan tidak mahu bekerja malahan dia selalu meminta wang daripada isterinya yang terpaksa menoreh getah dan menyara enam anak mereka. Dia akan memukul isterinya kalau dia tidak mendapat wang yang dimintanya. Kalau dia rugi dalam perjudian, dia akan memukul isteri dan anak-anaknya. Kalau dia untung, dia akan membeli ayam tandori untuk keluarganya. Suatu hari, dia meminta wang daripada isterinya tetapi tidak mendapatnya lalu dia memukul isterinya dengan besi sehingga isterinya meninggal dunia

Kes B

Mrs. Leslie Lim suka bermain mahjong. Setiap hari, dia meninggalkan keluarga dan berjudi sehingga larut malam. Anak-anaknya kelaparan

dan tidak ada orang menjaga mereka dengan baik-baik. Sewaktu pulang, dia sering bergaduh dengan suami yang tidak gembira dengan gaya kehidupan isterinya.

Kes C

Tajuddin sering berjudi dan ketika rugi, dia meminjam daripada 'loan shark' atau Ah Long kerana dia begitu yakin dia akan dapat untung besar. Namun, dia rugi lagi dan terpaksa gadaikan semua emas isterinya untuk membayar hutangnya bahkan isteri dan anak-anak terpaksa berlari ke tempat lain kerana Ah Long melemparkan cat merah dan menggugat akan membunuh mereka sekeluarga!

Kes D

Donald akan membeli toto tetapi dia merasa bersalah. Sewaktu berjalan ke toto, dia selalu akan melihat kiri kanan kerana dia khuatir kalau ada anggota gereja yang ternampak dia. Dia menghibur diri dengan mengatakan Tuhan boleh memberkati kita dengan pelbagai cara termasuk toto.

Kes E

Muthu tidak membayar yuran kolejnya kerana dia telah berjudi 'online' pada waktu malam. Semakin rugi semakin dia berusaha memenangnya namun tetap tidak dapat mendapat kembali semua wang itu. Bapanya sungguh marah kerana dia terpaksa bertungkus lumus mencari wang untuk menyara keluarga.

Perbincangan

1. Berjudi juga begitu; kadangkala kita menang dan kadangkala kita kalah dengan teruk sehingga dompet kita menjadi kering kontang.
2. Kadangkala orang terpaksa menggadai rumah, kereta, bahkan isteri dan anak untuk membayar hutang.
3. Pernahkah anda membaca cerita Pak Lebai yang menyabung ayam dengan sultan? Dia telah menukarkan ayamnya dengan sultan sebelum menyabung. Ayamnya menang tetapi dia terpaksa menggadai kampung kerana dia menduga ayam sultan lebih cekap. Pak Lebai yang malang itu dipukul oleh isterinya kerana mereka akan menjadi miskin (papa kedana).



Aktiviti Bersama

(1) Apa motivasi orang untuk berjudi?

Kita harus mengerti sebab utama untuk perjudian adalah keadaan hati manusia yang penuh dengan dosa. Keinginan untuk mendapat lebih telah

wujud sejak di Taman Eden lagi. Bila digoda oleh Syaitan, Hawa melihat pohon pengetahuan tentang baik dan jahat kerana dia ‘melihat bahawa buah itu sungguh menarik’, dan dengan mempercayai bohongan si Iblis buah itu akan membuatnya seperti TUHAN Sendiri, dia “mengambil dan memakannya” (Kejadian 3:1-6).

Dari ciri-ciri dosa yang wujud pada manusia sejak Kejatuhan itu, ada beberapa faktor yang mendorong orang untuk berjudi:

1. Ketidak-puasan

Ramai orang yang tidak puas dengan kehidupan mereka, dan mereka berimpikan sesuatu yang lebih besar dan baik, serta lebih cantik daripada apa yang dimiliki oleh teman dan jiran mereka. Sebab itu mereka berjudi dengan harapan akan dapat merealisasikan impian mereka. Kita harus ingat bahawa untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik itu bukanlah suatu perkara yang buruk, sama seperti memiliki cita-cita belum tentu adalah satu ketamakan. Tetapi dalam kes seorang penjudi, keinginan mereka itu selalunya didorong oleh cuba mendapatkan keuntungan yang besar dengan sedikit usaha. Pemikiran itu tentu sahaja tidak sesuai dengan ajaran Alkitab kerana itu didorong oleh kecintaan kepada wang (1 Tim. 6: 9, 10).

2. Kemurungan

Adalah satu fakta bahawa orang menjadi murung kerana kebosanan atau kecewa. Ini termasuklah kerana kadar pengangguran yang tinggi, pekerjaan yang membosankan, atau masalah keluarga. Jadi, perjudian akan menjadi cara terbaik untuk mereka mengalihkan perhatian dan menambahkan sedikit ‘keseronokan’ dalam kehidupan mereka: “Bagaimana kalau saya menang minggu ini?”

3. Putus asa

Walaupun ini hanya untuk segelintir orang, tetapi tetap menjadi satu faktor orang berjudi. Ini termasuklah orang yang menghadapi masalah kewangan teruk, sehingga dalam keputus-asaan mereka, mereka akan cuba nasib dengan berjudi, mudah-mudahan nasib akan berpihak kepada mereka.

Yang menyedihkan adalah kita hidup dalam satu masyarakat di mana motivasi untuk berjudi itu diperkuatkan lagi oleh media massa. “Dapatkan lebih, anda perlu lebih lagi; orang lain memilikinya, anda juga perlu dapatkannya”. Kerana kita hidup di tengah masyarakat yang majoritinya bukan Kristian, kehidupan untuk kebanyakan mereka tidak mempunyai makna dan tujuan yang benar. Jadi, kita juga sering dilanda arus untuk keinginan berjudi di mana itu tidaklah salah di mata kebanyakan orang.

(2) Apa bentuk perjudian?

Berbincang tentang pelbagai jenis perjudian. Pada zaman dahulu adalah

menyabung ayam. Tetapi pada masa kini bertaruh Formula One, Bola sepak, Kad, Mahjong, kasino, toto, 4D dan sebagainya.

A. Berjudi

Ini biasanya bermain untuk wang. Contohnya, pelbagai jenis permainan daun terup, mesin judi, bingo. Permainan ini semua melibatkan unsur 'nasib', di mana di setiap permainan satu risiko diambil dengan harapan untuk menang di atas kekalahan orang lain.

B. Pertaruhan

Dalam jenis ini, orang menaruh sejumlah wang untuk sesuatu peristiwa yang belum terjadi. Mereka bertaruh untuk pelbagai peristiwa – Formula One, perlawanan bolasepak, siapa pemenang Miss World atau parti mana yang akan menang dalam pilihanraya kecil.

C. Loteri

Ini adalah satu distribusi hadiah mengikut cabutan tiket samada melalui mesin atau manual. Biasanya dilakukan secara mingguan. 4D, toto dan magnum adalah beberapa contoh. Juga termasuk dalam kategori ini adalah loteri berunsur kebajikan yang dilakukan oleh satu badan kebajikan atau loteri nasional.

D. Hadiah Nombor Bertuah

Hadiah-hadiah yang diberi oleh majalah, stesen minyak, supermarket kepada pemegang 'nombor bertuah'. Bila seseorang memenangi satu 'hadiah percuma' dengan memegang nombor bertuah, kita harus ingat bahawa banyak orang lain yang sebenarnya sudah menyumbang dalam bentuk tertentu terhadap kos 'hadiah percuma' itu tanpa mendapat apa-apa pulangan daripadanya. Ini sebenarnya merupakan salah satu skim untuk pihak penaja mengaut keuntungan dari pelanggan. Ini termasuklah penghantaran sms berhadiah untuk satu acara *reality show*. Masalahnya, kebanyakan orang Kristian juga tidak merasa bersalah atau menganggap ini adalah satu bentuk perjudian.

(3) Bagaimana dengan insuran dan pelaburan?

(a) Insuran

Sekali pandang, insuran kelihatan seperti satu bentuk perjudian di mana jumlah wang yang sedikit dimasukkan ke dalam satu tabungan awam oleh sejumlah orang, dan menawarkan jumlah wang yang lebih besar dari sedikit wang yang dimasukkan dalam skim insuran. Tetapi ini tidak dianggap sebagai satu bentuk perjudian, kerana dalam kes seorang penjudi, mereka cuba mendapatkan satu pulangan yang besar dengan mengharapkan 'nasib'. Ini termasuklah melambung dadu, memutar roda atau cabutan nombor. Dalam mengambil satu polisi insuran, seseorang (i) tidak mengharapkan apa-apa keuntungan dari biaya rang lain, tetapi dia menginsurakan untuk mengelakkan kerugian; (ii) tidak dimotivasikan oleh ketamakan, tetapi kecermatan; (iii) cuba meminimalkan risiko dan bukan meningkatkan risiko seperti

dalam satu perjudian. Insuran boleh diertikan sebagai sekumpulan orang yang berkata, “kerana kita semua menghadapi satu risiko, mari kita berkongsi risiko ini di antara kita, supaya tidak ada orang yang akan merana. Kita semua akan rugi sedikit, tetapi itu juga bermakna tiada di antara kita yang akan sengsara untuk apa yang kita sudah insurankan”.

(b) Pelaburan bisnes

Kita sering melihat mereka yang bertaruh dalam satu perlawanan bola atau lumba kuda, sama sahaja dengan mereka yang melibatkan diri dalam Stok Pasaran dan yang membaca laporan kewangan di suratkhobar. Ini sebenarnya tidak benar walaupun ada jenis pelaburan yang memang berunsurkan perjudian. Satu pelaburan bisnes jangka panjang tidak boleh dianggap sebagai perjudian. Wang yang dilabur adalah untuk kebaikan banyak orang. Wang itu akan digunakan oleh syarikat untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan peluang pekerjaan. Tetapi mereka yang terlibat dalam spekulasi pasaran saham mungkin saja boleh dianggap berjudi terutama sekali bila mereka cuba mengaut dan menambahkan keuntungan daripada kos orang lain.

Tandakan Benar atau Salah

1. Salah. Kemenangan hanya sebentar kerana seorang penjudi akan berusaha lagi sehingga kalah.
2. Salah. Mungkin hanya untuk sebentar sahaja dan selepas itu gelisah dan merana kerana hutang mengelilingi pinggang. Ada yang sanggup berhutang untuk terus menaruh harapan pada satu hari nanti dia akan menang dan dapat membawa keluarganya keluar dari belunggu kemiskinan.
3. Salah. Seseorang yang berjudi selalu tidak mempunyai waktu untuk menajamkan kemahiran, hobi mahupun membaca.
4. Benar. Orang yang sudah ketagihan berjudi biasanya akan susah untuk berhenti.
5. Salah. Isteri atau suami kita sengsara dan khuatir kerana anda tidak pulang dan kalau kalah anda mungkin akan mencari Ah Long.
6. Benar. Kalau kita terlalu asyik berjudi, kita akan melupakan segala tanggungjawab kita.
7. Benar. Kadangkala seseorang akan menggadai emas bahkan anak mereka demi melunaskan hutang.
8. Benar. Kalau seseorang terlalu mendesak, dia mungkin akan melakukan apa sahaja demi mendapat wang seperti meragut beg orang.
9. Salah. Wang yang diperoleh melalui kemenangan dalam perjudian

sebenarnya tidak akan meningkatkan kebanggaan atau harga diri terhadap seseorang. Itu akan memberinya satu keyakinan harga diri yang palsu.

10. Salah. Orang yang suka berjudi, biasanya tidak tahu cara yang terbaik untuk mengendalikan wang mereka dengan baik.
11. Salah. Perasaan gembira atau kepuasan itu hanya untuk sementara sahaja. Ia sebenarnya akan memicu kepada satu ketagihan. Seorang kaki judi akan terus-menerus berjudi dengan harapan untuk dapat kemenangan yang lebih besar lagi.
12. Benar. Penjudi yang tidak bertanggungjawab suka menyalahkan isteri tidak pandai bekerja mendapat wang dan menjaga keluarga.
13. Salah. Kalau kita sering menolong seorang penjudi, dia tidak akan insaf dan akan sering terperangkap dalam masalah yang sama.



Renungan Firman Tuhan

Mulakan dengan bertanya kepada mereka: Adakah Alkitab melarang kita berjudi? (biar mereka jawab). Adakah anda masih ingat di sesi yang lepas tentang prinsip-prinsip Alkitabiah? (biar mereka jawab). Sama seperti berjudi, Alkitab tidak mengatakannya secara langsung. Jadi, kita akan melihat beberapa ayat Alkitab untuk mengambil prinsip-prinsip Alkitabiah dan bagaimana itu diterapkan dalam kehidupan kita.

1. Firman Tuhan menasihati agar setiap orang bekerja untuk mendapat gajinya dan tidak bergantung pada wang haram. (2 Tesalonika 3:10) Prinsip ini mengajar kita bahawa kita harus bekerja untuk mendapatkan wang kita. Sumber kekayaan anda haruslah daripada titik-peluh anda sendiri. Dalam perjudian, anda bergantung kepada nasib dan peluang. Kekalahan anda menyebabkan anda kehilangan wang. Sedangkan kemenangan anda datangnya daripada mengaut keuntungan dari hasil titik-peluh orang lain.
2. Tangan orang yang malas dan hanya mendapat wang melalui perjudian akan membuat mereka miskin sebaliknya orang yang rajin bekerja dan tidak bergantung pada nasib akan diberkati. (Amsal 10:4) Jika anda ingin menjadi kaya, Alkitab mengatakan anda harus bekerja keras. Perjudian menyebabkan orang tidak melihat kebenaran ini. Manusia biasanya malas dan mahu mendapat segala sesuatu dengan senang dan cepat. Mereka berfikir mereka akan cepat kaya kalau mereka mencuba nasib dalam perjudian. Dan walaupun mereka tidak menang, mereka akan terus mencuba dengan harapan satu hari nanti mereka akan menang besar!
3. Keputusan untuk berjudi dikatakan tidak bijaksana kerana kita mempertaruhkan wang kita di atas meja judi. Selain itu, kita tidak menghargai waktu dan bakat yang diberikan oleh Tuhan untuk

menjalani kehidupan yang berhasil. (Amsal 3:21) Dalam perjudian, semua yang berlaku adalah berdasarkan peluang dan nasib. Anda tidak boleh menentukan anda mahu menang atau kalah. Jadi satu-satu keputusan yang bijaksana adalah berhenti berjudi. Bila anda mulai berjudi, anda akan ketagihan untuk terus cuba dengan harapan akan menang. Jadi untuk mendapat wang melalui perjudian itu adalah satu risiko, bukan satu pengambilan keputusan yang bijak.

4. Orang yang memenangi perjudian tidak akan puas dengan sekali kemenangan. Dia akan terus melakukannya sehingga wangnya habis. (Pengkhotbah 5:9-10) Alkitab memberitahu kita bahawa manusia tidak mudah puas hati. Mereka akan terus mencari wang yang lebih. Perjudian sebenarnya menampilkan apa yang terburuk dalam jiwa seseorang. Keinginan untuk mendapat lebih itu membuat mereka ketagih. Anda mungkin berfikir tidak salah kalau main yang kecil-kecil sahaja. Tetapi bila anda mulai menang, anda akan merasa teruja untuk terus main dan menjadi tamak.
5. Orang yang suka berjudi akan terjerat dalam kejahatan kerana mereka tergoda untuk ketamakan akan wang dan akar segala kejahatan ialah cinta akan wang. Akhirnya seseorang akan menyimpang daripada iman. (2 Timotius 6:9-10) Sebab itulah adalah lebih bijak untuk tidak memulainya, terutama bila ia melibatkan wang. Walaupun kadang-kadang ianya hanya untuk suka-suka sahaja (seperti kebiasaan ahli keluarga berkumpul bermain daun terup atau mahjong semasa Tahun Baru Cina), tetapi ia akan sering membawa kepada sesuatu yang lebih besar, dan lebih banyak wang akan terlibat.
6. Orang yang tamak akan wang tidak akan gembira kerana mereka tidak dapat mencari makna hidup yang lebih bererti selain daripada mencari kekayaan. (Lukas 12:15)
7. Seperti yang sudah kita pelajari, prinsip Alkitab adalah supaya kita bekerja dengan tangan kita sendiri untuk mendapatkan wang. Tuhan sudah berjanji akan memenuhi segala keperluan kita menurut kekayaan-Nya. (Filipi 4:19)
8. Tidak. Tuhan akan memuaskan keperluan kita. (Yesaya 58:11)



Renungan Peribadi

Galakkan mereka untuk membuat komitmen untuk meninggalkan tabiat dan tempat perjudian. Perjudian yang tenat akan mendatangkan pelbagai bahaya seperti mengundang banyak hutang. Dalam sesetengah kes, orang yang kalah teruk dalam judi telah membunuh diri mereka.

Ajaran tentang “nasib” ini akan membuat mereka mengerti kenapa perjudian itu satu dosa di mata Tuhan.

Sesi 7: War-Net



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa ketagihan komputer akan merosakkan kemampuan kita untuk berfokus pada pekerjaan mahupun pelajaran.
2. Menyedari bahawa permainan komputer memenuhi minda seseorang dengan unsur-unsur yang tidak memuliakan Tuhan seperti keganasan, pembunuhan, seks, bahasa lucah dan kadangkala ilmu sihir.
3. Menyedari bahawa permainan komputer membuang waktu dan waktu yang bernilai boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran seseorang atau pengetahuan seseorang.
4. Membuat komitmen untuk memilih permainan komputer dengan bijaksana dan membatasi waktu permainan.



Pencetus Minat

1. Tunjukkan permainan komputer yang sihat dan permainan komputer yang tidak sihat kepada peserta-peserta anda. Jelaskan permainan komputer tidak semestinya buruk khususnya permainan komputer yang berunsur pendidikan dan untuk memotivasi bidang pendidikan.
2. Tunjukkan satu permainan komputer yang mempunyai unsur-unsur keganasan.

Atau

Cetakkan beberapa risalah yang memuat pelbagai jenis permainan komputer. Selidiki kandungan permainan komputer itu bersama dengan peserta-peserta anda. Bincangkan unsur-unsur yang terkandung dalam permainan komputer itu. Apakah permainan komputer itu mempunyai unsur-unsur pembunuhan?



Aktiviti Bersama

Bahagikan kumpulan kepada beberapa kumpulan kecil. Kemudian bahagikan soalan-soalan tersebut sama rata kepada kumpulan kecil untuk mereka bincangkan.

1. Permainan komputer mungkin dapat memahirkan kemampuan komputer tetapi ia hanya pada tahap yang dasar sahaja. Kalau seseorang ingin memahirkan diri mereka seharusnya mempelajari

- pelbagai *software* yang dapat menolong mereka dalam pekerjaan mereka.
2. Permainan komputer yang memuatkan unsur-unsur keganasan dan pembunuhan tidak akan menolong seseorang untuk berfikir lebih logik.
 3. Penagihan permainan komputer akan menyebabkan seseorang asyik bermain komputer sehingga dia lupa membuat pekerjaan lain.
 4. Benar, seseorang yang asyik bermain komputer akan menjadi seseorang yang bosan kerana dia lupa melakukan aktiviti yang lain.
 5. Benar, kalau kita hanya berminat pada komputer sahaja, akhirnya, dia akan menjadi orang yang tidak sosial.
 6. Ya. Kalau mereka bermain komputer sehingga awal pagi atau larut malam. Permainan komputer yang bersifat bersambungan boleh menggoda seseorang untuk bermain terus.
 7. Hanya untuk sebentar sahaja, hanya Tuhan, doa dan pengurusan waktu yang bijak dapat menolong seseorang melepaskan diri daripada tekanan hidup.
 8. Ya, kalau seseorang bermain komputer lebih daripada dua jam, dia tidak mengawal diri dengan baik kerana mudah terlupa tanggungjawabnya dalam pelajaran mahupun pekerjaan.
 9. Permainan jasmani seperti badminton dan bolasepak seringkali akan digantikan dengan permainan komputer yang membuat tubuh lelah dan mata penat.
 10. Ya. Ibu bapa perlu meletakkan peraturan agar anak-anak mereka tidak akan bermain komputer lebih daripada yang diperlukan mereka.
 11. Ya, permainan komputer yang dicorakkan berunsur pendidikan tentu dapat menolong anak belajar dengan lebih baik.
 12. Benar, seringkali anak-anak sibuk bermain komputer dan tidak mempunyai waktu bersembang dengan ibu bapa.
 13. Tidak. Biasanya permainan komputer berkisah pada pembunuhan, keganasan dan penyerangan musuh.
 14. Penagihan komputer yang terus menerus malah sebaliknya akan merosakkan keyakinan seseorang kerana seseorang yang tidak mempelajari kemahiran lain dan kekurangan bergaul mungkin akan merasa kurang yakin terhadap diri sendiri.
 15. Pendedahan kepada permainan komputer sebaliknya akan menyebabkan seseorang merasa kurang yakin terhadap diri sendiri.
 16. Tidak. Seringkali bahasa yang dipakai dalam permainan komputer mempunyai unsur-unsur bahasa lucu dan bahasa yang kurang ajar.

Pemain mudah terpengaruh oleh bahasanya.

17. Tidak kecuali permainan komputer yang memuat unsur-unsur ibadiah kepada Tuhan.
18. Benar. Lelaki lebih suka bermain permainan komputer yang memenuhi unsur-unsur keganasan dibandingkan dengan perempuan.
19. Benar, permainan komputer/video yang tertentu memiliki unsur-unsur sihir yang tidak memuliakan Tuhan.

Perbincangan

Selain daripada permainan komputer *early childhood* dan pendidikan, kebanyakan permainan komputer/video mempunyai unsur-unsur keganasan yang akan menyebabkan seseorang kurang peka kepada keganasan dan tidak terlalu baik bagi minda seseorang.



Renungan Firman Tuhan

1. Permainan komputer lebih memaparkan unsur-unsur iblis seperti pembunuhan, keganasan dan bukan hidup yang berkelimpahan dan bermakna dalam Tuhan. (Yohanes 10:10)
2. Kita harus melengkapi diri dengan senjata terang dan bukan dengan senjata iblis. (Roma 13:12-14)
3. Tidak, kerana unsur-unsur dalam permainan komputer meransangkan imaginasi yang tidak baik dan kita akan berulang kali diperhadapkan dengan babak keganasan, pembunuhan dan penggunaan bahasa kurang ajar. (Matius 22:37-38)
4. Tidak permainan komputer menekankan kebenaran dan mempromosi unsur-unsur kejahatan. (Roma 1:18)
5. Kita dinasihati membuang segala unsur-unsur yang jahat dan zalim dan menanamkan firman Allah yang dapat menyelamatkan jiwa kita. (Yakobus 1:21)
6. Kita boleh memelihara iman yang murni dengan menjaga diri agar tidak tercemar oleh dunia. Jadi kita perlu memilih permainan komputer yang sihat. (Yakobus 1:27)
7. Mengubah kegelapan menjadi terang, manis menjadi pahit, manis menjadi pahit dengan keganasan yang terselip di dalamnya. (Yesaya 5:20)
8. Tidak baik kerana ilmu sihir, tenungan dan ramalan itu suatu kekejian kepada Tuhan. (Ulangan 18:10-12).
9. Kita perlu menggunakan perkataan-perkataan yang membangun orang lain dan bukan perkataan-perkataan yang mendukakan Roh Kudus. (Efesus 4:29-20)

Semak Senarai

Minta para peserta menyemak senarai dan kemudian berbincang dengan kelas mengenai permainan komputer mereka. Apakah permainan komputer mereka mendatangkan kebaikan atau keburukan?



Renungan Peribadi

Di saat ini, anda harus menggalakkan peserta-peserta anda untuk membuat satu komitmen tidak menyalahgunakan hak mereka untuk bermain komputer.

1. Galakkan mereka membatasi waktu permainan komputer dan lebih menggunakan waktu untuk membaca, berdoa dan mengaji Alkitab. Minta mereka meluaskan hobi dan minat mereka.
2. Suruh mereka berhati-hati dan tidak bermain komputer yang mempunyai unsur-unsur keganasan kerana ini akan menyebabkan mereka peka kepada kesucian dan kebenaran.
3. Galakkan mereka memberi keutamaan kepada Tuhan seperti mengadakan waktu renungan dan doa, membuat tugas rumah, dan belajar. Permainan komputer yang sihat hanya diadakan jika ada sisa waktu selepas melakukan semua yang penting.
4. Galakkan mereka agar tidak bermain permainan komputer yang mengandungi unsur-unsur sihir atau magik.
5. Jelaskan bahawa pendedahan kepada keganasan yang bertubi-tubi mungkin akan mengubah cara mereka bertindak.
6. Sebagai seseorang yang bertanggungjawab atas diri sendiri agar tidak tercemar dalam minda mahupun jiwa kita; kita bertanggungjawab memilih buku-buku, filem-filem dan permainan komputer yang tidak akan mencemarkan diri sendiri.
7. Kalau kita terlanjur memainkan sesuatu yang tidak berkenan kepada Tuhan. Hentikan dan buangkannya ke dalam tong sampah.



Doa

Tutup sesi ini dengan memohon pengampunan daripada Tuhan jika mereka mengaku sering bermain permainan komputer dan melalaikan yang lain. Juga ingatkan mereka untuk hanya membenarkan yang kudus dan memuliakan Tuhan memenuhi minda dan jiwa mereka.

Sesi 8: Tips Kemenangan Atas Pengaruh



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari penting untuk mereka memilih siapa teman-teman mereka kerana pertemanan mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan mereka.
2. Mengetahui nilai-nilai seorang teman yang sejati.
3. Memikir dan mengevaluasi beberapa persahabatan yang mereka miliki.
4. Menyedari bahawa kekuatan ada di dalam Tuhan untuk mereka melawan arus-arus kebiasaan dan pengaruh.



Pencetus Minat

1. Bahagikan para peserta kepada beberapa kumpulan kecil (3 hingga 5 orang)
2. Berikan mereka sehelai Teka-Teki Nombor di bawah ini untuk diselesaikan.

3	2	1	1
3	1	4	3
4	3	2	4
2	2	1	4

3. Mereka harus membahagikan segi empat sama itu kepada 4 bahagian, dengan setiap bahagian harus mempunyai 4 nombor yang berlainan (iaitu 1, 2, 3 dan 4) tanpa harus mengikut urutan.

Penyelesaian kepada masalah tersebut:

3	2	1	1
3	1	4	3
4	3	2	4
2	2	1	4

Persahabatan juga memerlukan waktu untuk kita mengetahui nilai, sifat dan kualiti seorang teman.



Aktiviti Bersama

1. Bahagikan para peserta dalam beberapa kumpulan kecil yang terdiri dari 3 hingga 5 orang.
2. Biar mereka berbincang tentang pelbagai pengaruh yang mereka terima dari teman-teman mereka.
3. Kemudian berikan setiap kumpulan sekeping kertas yang besar.
4. Minta mereka menulis nilai, sifat dan kualiti yang mereka cari dalam seorang teman yang baik.
5. Bila mereka sudah selesai, minta seorang daripada setiap kumpulan untuk berkongsi hasil perbincangan mereka.
6. Tuliskan semua nilai, sifat dan kualiti tersebut di papan hitam. Minta mereka mengundi nilai, sifat dan kualiti mana yang mereka anggap paling penting.
7. Beritahu mereka kita akan sama-sama membaca tentang persahabatan-persahabatan yang baik dari Alkitab.



Renungan Firman Tuhan

Bacaan Alkitab adalah dari 1 Samuel 20. Supaya pembacaan lebih menarik, minta 4 orang daripada mereka untuk membaca bahagian-bahagian pencerita/pengulas, Daud, Yonatan dan Saul.

Apa yang akan terjadi kepada Daud sekiranya dia tidak mempunyai seorang sahabat yang baik seperti Yonatan? (Biar mereka jawab)

Jadi, adalah penting untuk kita mengetahui bagaimana mencari kawan yang baik. Kawan-kawan boleh membina atau merosakkan kita. Mereka boleh membantu anda mendekatkan diri kepada Tuhan atau menjauhkan diri daripada Tuhan. Jadi teman yang bagaimanakah yang anda harus pilih?

(1) Teman yang mengasihi Tuhan

- i. Satu sebab kenapa Daud dan Yonatan boleh menjadi teman yang baik adalah kerana mereka mengasihi Tuhan. Tuhan adalah pusat persahabatan mereka (ayat 13 dan 42). Mereka percaya kepada Tuhan dan melihat-Nya sebagai Tuhan dalam kehidupan dan persahabatan mereka. Sebab itu mereka boleh saling mendorong di dalam Tuhan.

- ii. Anda juga perlu mencari teman-teman yang mengasihi dan percaya kepada Tuhan, kerana mereka boleh membantu anda untuk terus berjalan bersama Tuhan. Dengan begitu, anda akan dapat menghindari daripada terjebak dalam pelbagai kebiasaan buruk yang telah kita bincang dalam sesi-sesi yang lalu.
- iii. Jika teman anda bukan seorang Kristian, dia pasti tidak akan mengerti pergelutan dan cabaran yang anda hadapi sebagai seorang Kristian. Dan mereka boleh menyebabkan anda tersandung dalam kehidupan rohani anda. Mereka akan dapat mempengaruhi anda untuk mengikut beberapa kebiasaan mereka, dan menyebabkan kasih serta kesetiaan anda terhadap Tuhan berkurangan.

(2) Teman yang setia

- i. Ada banyak orang yang mengatakan mereka teman anda, tetapi akan menghilangkan diri apabila anda menghadapi kesusahan atau memerlukan pertolongan. Yang paling parah adalah mereka boleh menukar pendirian bila anda dalam kesusahan kerana mereka hanya memikirkan diri mereka sendiri sahaja.
- ii. Perhatikan kesetiaan Yonatan terhadap Daud. Demi Daud dia sanggup mengambil risiko yang menyebabkan kemarahan ayahnya. Dan bila dia mengetahui ayahnya benar-benar ingin membunuh Daud, dia tidak mengkhianati temannya walaupun dia mungkin akan dibunuh kerana itu.
- iii. Yonatan sanggup melepaskan peluangnya untuk menjadi raja kerana kasihnya kepada Daud (ayat 31), kerana dia tahu rancangan Tuhan untuk Daud. Anda tidak akan dapat mencari seorang teman yang sanggup mengorbankan dirinya sendiri seperti itu!
- iv. Jadi, adalah penting untuk mengetahui sifat-sifat kawan-kawan anda terutama sekali mereka yang mendakwa diri mereka sebagai sahabat baik anda. Adakah mereka akan tetap berdiri di samping anda atau melarikan diri bila anda menghadapi masalah? Adakah mereka akan membela anda bila semua orang memusuhi anda?
- v. Sama seperti anda mengharapkan kesetiaan teman-teman anda, anda juga harus setia kepada mereka.

(3) Teman yang prihatin

- i. Perhatikan bagaimana Yonatan mengasihi dan prihatin terhadap Daud. Dia sanggup lakukan apa sahaja bila dia mengetahui betapa sedihnya hati Daud (ayat 4).
- ii. Belajar untuk mencari teman-teman yang penyayang dan berprihatin, yang sanggup memberi dan bukan menerima/mengambil daripada orang lain sahaja. Teman-teman yang prihatin akan membantu anda menjadi seorang yang lebih mengasihi Tuhan.

- iii. Sebaliknya juga, anda perlu belajar untuk mengasihi dan berprihatin terhadap teman-teman anda. Jangan hanya fikirkan tentang diri dan keperluan anda sahaja. Belajar untuk fikirkan kepentingan teman-teman anda dahulu.



Renungan Peribadi

1. Biar mereka melengkapkan lembar kerja Renungan Peribadi. Galakkan mereka untuk mengisinya dengan Jujur.
2. Bila selesai, minta mereka untuk berfikir dan merenung apa yang mereka dapati daripada sifat-sifat teman mereka. Beritahu mereka apa yang mereka belajar tentang teman yang Tuhan mahu untuk mereka. Jika teman mereka adalah jenis yang mendorong mereka untuk menjauhkan diri daripada Tuhan, galakkan mereka untuk mempertimbangkan untuk meninggalkan teman-teman tersebut. Sebaliknya, galakkan mereka untuk mengucap syukur jika teman mereka adalah yang selalu mendorong mereka untuk mendekati dan mengasihi Tuhan.



Doa

Berdoalah untuk mereka supaya Tuhan membantu mereka memilih teman-teman yang akan membawa pengaruh yang positif dalam kehidupan mereka. Gunakan kesempatan ini untuk membantu mereka yang terlibat dalam beberapa kebiasaan yang buruk untuk melepaskan diri dari belunggu tersebut. Doa penyesalan dalam Santapan Minda boleh digunakan untuk membantu mereka.

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal dan Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kelima, "**Mengharung Arus Kebiasaan**" memberi tumpuan terhadap masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pemuda-pemudi dalam masyarakat kita. Pengaruh sahabat dan kebiasaan, gengsterisme, merokok, m inuman keras, berjudi, p enyalahgunaan dadah dan ketagihan permainan komputer yang dibincangkan dalam buku ini berguna untuk bimbingan para belia. Mereka akan diajar landasan Alkitab dan bagaimana mengatasi masalah serta memberi respon yang tepat ketika diperhadapkan dengan isu-isu ini.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)